



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***GENRE PERBAHASAN PARLIMEN DARI SUDUT  
ETNOGRAFI KOMUNIKASI***

**HALIMAH BINTI PONDO**

**FBMK 2014 36**



**GENRE PERBAHASAN  
PARLIMEN DARI SUDUT ETNOGRAFI  
KOMUNIKASI**

**HALIMAH BINTI PONDO**

**DOKTOR FALSAFAH  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**2014**



**GENRE PERBAHASAN  
PARLIMEN DARI SUDUT ETNOGRAFI  
KOMUNIKASI**



**Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

**Mac 2014**

## **HAK CIPTA**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia  
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

## **GENRE PERBAHASAN PARLIMEN DARI SUDUT ETNOGRAFI KOMUNIKASI**

Oleh

**HALIMAH BINTI PONDO**

**Mac 2014**

**Pengerusi : Ahmad Mahmood Musanif, PhD.**

**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Kajian ini mengkaji genre teks perbahasan di Parlimen berdasarkan pendekatan etnografi komunikasi. Genre teks perbahasan di Parlimen yang dikaji tertumpu pada soal jawab lisan terhadap usul yang dikemukakan oleh Ahli Dewan Rakyat. Objektif kajian ini ialah mengenal pasti genre teks perbahasan di Parlimen dari sudut etnografi komunikasi, menganalisis unsur etnografi komunikasi genre teks perbahasan di Parlimen dan menjelaskan komponen grid “Speaking” yang mempengaruhi peristiwa bahasa genre teks perbahasan Parlimen dengan menggunakan pendekatan etnografi komunikasi.

Dalam kajian ini, sebanyak 64 teks perbahasan di Parlimen telah dipilih, iaitu yang meliputi isu terkini yang berlaku di tanah air. Kaedah analisis kandungan teks digunakan untuk menjelaskan peristiwa bahasa dalam perbahasan di Parlimen. Setiap ujaran dalam teks

dianalisis dengan menggunakan model grid “*Speaking*” yang dipelopori oleh Hymes (1972) dan pandangan ahli sarjana bahasa yang lain. Komponen grid “*Speaking*” yang menjadi kriteria penjelasan terdiri daripada latar (S), pemeran (P), tujuan komunikasi (E), urutan lakuan (A), ragam, alat (K) / saluran komunikasi (I), norma-norma interaksi dan penafsiran (N) dan genre (G) berdasarkan pendekatan yang dikemukakan oleh Hymes (1972) dan pandangan ahli sarjana bahasa yang lain.

Dapatan kajian menunjukkan pendekatan etnografi komunikasi mampu diadaptasikan dalam perbahasan di Parlimen untuk melahirkan pembahas yang berintelektual dan sebagai penanda aras pertuturan pembahas. Genre teks perbahasan di Parlimen merupakan peristiwa bahasa yang sememangnya mengandungi kesemua lapan komponen grid “*Speaking*”. Pemeran dalam genre teks perbahasan di Parlimen terdiri daripada wakil Rakyat, iaitu pemerintah, pembangkang dan pemeran pasif. Latarnya tetap, iaitu di Dewan Rakyat Parlimen. Urutan lakuan dalam peristiwa bahasa di Parlimen didominasi dengan soal jawab yang terbentuk oleh pertuturan secara spontan. Perbahasan di Parlimen banyak diselangi oleh tindakan vokatif oleh para pemeran sama ada pemerintah atau pihak pembangkang. Ragam humor dalam genre teks perbahasan di Parlimen dapat meredakan ketegangan. Norma-norma interaksi menentukan fungsi pemeran berfikir dan berkomunikasi. Dalam kajian ini juga didapati bahawa kemahiran berkomunikasi dalam kalangan pemeran dalam perbahasan di Parlimen sebahagian besarnya dapat memenuhi lapan komponen dalam grid “*Speaking*”.

Abstract of thesis presented to the Senate of University Putra Malaysia  
in fulfilment of the requirement for degree of Doctor of Philosophy

**PARLIAMENTARY DEBATE GENRE BASED ON  
ETHNOGRAPHY OF COMMUNICATION**

By

**HALIMAH BINTI PONDO**

**March 2014**

**Chairman : Ahmad Mahmood Musanif, PhD.**

**Faculty : Modern Language and Communication**

This study focuses on the debate texts in Parliament based on ethnography of communication approach. The genre of debate texts studied focus on the question-answer session on the topic proposed by the representatives. The objectives of this study is to identify the Parliament's texts debates genre from the aspects ethnography of communication; to analyse the Parliament's texts debate genre from the aspect element's ethnography of communication and finally to explain the "Speaking" grid components which influence the language events of Parliament's texts debate genre using the ethnography of communication approach.

In this study, 64 Parliament's texts debate related to the latest issues in the country have been chosen. The method used to explain language situation during a Parliament's debate is

content text analysis. Every utterances in the texts were analyzed using the “Speaking” grid model developed by Hymes (1972) and other linguists. The “Speaking” grid component consist of setting (S), participant (P), ends (E), act sequence (A), key (K), instrumentalities (I), norms (N), and genre (G) based on the approach introduced by Hymes (1972) and other linguists.

The results showed that ethnography of communication approach could be adapted into the Parliament debate to produce an intellectual debater and also as a benchmark for debater. The Parliament’s texts debate genre is a language phenomenon, which consist all the 8 grid components of “Speaking”. The participants in the Parliament’s texts debate genre are representatives from the government and opposition, and also passive participants. The setting is fixed, which is the Parliament House of Representatives. The sequence of the language event in the Parliament is dominated by the question-answer which is built spontaneously. The debates in Parliament involve vocative action by the participants either from the government or opposition. The act of humor in the Parliament’s texts debate genre are able to minimize tension. The interaction norms decide how a participant think and communicate. In this study, it is found out that majority of the communication skill between participants in the Parliament debate fulfills the 8 grid components of “Speaking”.

## **PENGHARGAAN**

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi dengan izin dan inayah-Nya, saya dapat menyempurnakan tesis yang bertajuk “Genre Teks Perbahasan Parlimen dari Sudut Etnografi Komunikasi”.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang telah mendorong dan membantu saya menyempurnakan tesis ini, terutamanya kepada Prof. Madya Dr. Ahmad Mahmood Musanif selaku pengurus jawatankuasa penyeliaan, Prof. Madya Dr. Raja Masittah binti Raja Ariffin dan Dr. Omrah bin Hassan @ Hussin yang menjadi ahli jawatankuasa penyeliaan.

Sesungguhnya, segala tunjuk ajar, bimbingan dan nasihat yang telah diberikan oleh mereka sepanjang menyiapkan tesis ini amat membantu saya. Jasa dan budi mereka pasti terpahat kekal dalam ingatan saya. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua pensyarah di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi yang telah banyak mencerahkan ilmu dan pengalaman sepanjang tempoh pengajian saya di Universiti Putra Malaysia.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pustakawan di Perpustakaan Sultan Abdul Samad, UPM, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia dan pusat Dokumentasi Parlimen Malaysia yang membenarkan saya menggunakan perpustakaan mereka bagi menyiapkan tesis ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Bahagian Biasiswa Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia kerana membayai pengajian saya di UPM ini.

Tidak lupa juga ucapan penghargaan dan terima kasih ini ditujukan kepada bonda, suami, putera dan puteri saya yang sentiasa memberikan sokongan padu demi kejayaan ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam proses saya menyiapkan tesis ini. Saya berdoa semoga Allah SWT menilai budi baik hamba-Nya itu sebagai amalan mulia yang akan diberikan ganjaran sewajarnya pada hari akhirat kelak, insya-Allah.

Halimah Pondo

Program PhD.

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

43400 Serdang



Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 19 Mac 2014 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Halimah binti Pondo untuk menilai tesis beliau yang bertajuk "Genre Perbahasan Parlimen dari Sudut Etnografi Komunikasi" mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U. (A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Doktor Falsafah.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti yang berikut :

**Arba'ie Sujud, PhD**

Profesor Madya

Jabatan Bahasa Melayu

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Zaitul Azma Zainon Hamzah, PhD**

Profesor Madya

Jabatan Bahasa Melayu

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

**Che Ibrahim Salleh, PhD**

Profesor Madya

Jabatan Bahasa Melayu

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pemeriksa Dalam)

**Nor Hashimah Jalaluddin, PhD**

Profesor

Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan

Universiti Kebangsaan Malaysia

(Pemeriksa Luar)

---

**SEOW HENG FONG, PhD**  
Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh :

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti yang berikut :

**Ahmad Mahmood Musanif, PhD**

Professor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra

(Pengerusi)

**Raja Masittah Raja Ariffin, PhD**

Professor Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra

(Ahli)

**Omrah Hassan@Hussin, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra

(Ahli)

---

**BUJANG BIN KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh :

## **Perakuan pelajar siswazah**

Saya memperakui bahawa :

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- Setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No.Matrik: \_\_\_\_\_

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam *Universiti Putra Malaysia (Graduate Studies) Rules 2003 (Revision 2012-2013)* telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama : Prof Madya Dr.  
Pengerusi Ahmad Mahmood bin Musanif  
Jawatankuasa  
Penyeliaan

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli : Prof Madya Dr.  
Raja Masittah binti Raja Ariffin  
Jawatankuasa  
Penyeliaan

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Ahli : Dr. Omrah Hassan@Hussin  
Jawatankuasa  
Penyeliaan

## JADUAL KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>ABSTRAK</b>	ii
<b>ABSTRACT</b>	iv
<b>PENGHARGAAN</b>	vi
<b>PENGESAHAN</b>	viii
<b>PERAKUAN PELAJAR SISWAZAH</b>	ix
<b>PERAKUAN AHLI JAWATANKUASA PENYELIAAN</b>	xi

### BAB

<b>1 PENDAHULUAN</b>	
Latar Belakang Kajian	1
Penyataan Masalah	8
Kepentingan Kajian	15
Persoalan Kajian	20
Objektif Kajian	21
Batasan Kajian	22
Definisi Operasional	24
Genre Teks Perbahasan Rasmi Parlimen	25
Etnografi Komunikasi	33
Peristiwa Bahasa ( <i>Speech Event</i> ) Perbahasan Parlimen	34
Kesimpulan	36
<b>2 SOROTAN LITERATUR</b>	
Pengenalan	38
Kajian Lalu yang Menggunakan Pendekatan Etnografi Komunikasi	39
Kajian Lalu yang Berkaitan Perbahasan	61
Kesimpulan	73
<b>3 METODOLOGI</b>	
Pengenalan	75
Reka Bentuk Kajian	75
Kerangka Teori	76
Pendekatan Kajian	95
Kaedah Kajian	96
Bahan Kajian	99
Kaedah Pungutan Data	101
Jangka Masa Pungutan Data	101
Kaedah Pemilihan Data	102
Kerangka Konsepsi	103
Kesimpulan	104

<b>4 ANALISIS DATA</b>	
Pengenalan	105
Analisis Genre Teks Perbahasan Parlimen berdasarkan Pendekatan Etnografi Komunikasi	107
Latar ( <i>Setting</i> )	109
Pemeran ( <i>Participants</i> )	128
Tujuan Komunikasi ( <i>End</i> )	141
Urutan Lakuan ( <i>Act Sequence</i> )	153
Ragam ( <i>Key</i> )	160
Alat/Saluran Komunikasi ( <i>Instruments</i> )	182
Norma-norma Interaksi dan Penafsiran ( <i>Norms</i> )	189
Genre ( <i>Genre</i> )	197
Kesimpulan	204
Rasional Teori Dengan Dapatan Kajian	207
Implikasi Dapatan Kajian	208
Kesimpulan	211
<b>5 RUMUSAN DAN CADANGAN</b>	
Pengenalan	212
Rumusan	212
Cadangan	218
Penutup	222
<b>BIBLIOGRAFI</b>	223

**LAMPIRAN 1- DATA TEKS YANG DIGUNAKAN**

**LAMPIRAN 2- SURAT KEBENARAN MENJALANKAN PENYELIDIKAN  
DAN SURAT PENGESAHAN DATA**

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### Latar Belakang Kajian

Penyata rasmi di Parlimen merupakan dokumen yang mengandungi kenyataan bertulis dalam bentuk formal dan diterbitkan sebaik-baik sahaja selesai sesi perbahasan pada hari berkenaan. Penyata rasmi di Parlimen mengandungi perbahasan secara lisan yang melibatkan interaksi bahasa antara kumpulan yang mewakili pertubuhan politik yang mempunyai ideologi berbeza. Penyata perbahasan di Parlimen dikategorikan sebagai dokumen rasmi kerana mempunyai keterangan bertulis tentang sesuatu perkara yang telah disahkan oleh pembahas berkenaan dan diisyiharkan oleh kerajaan atau pihak yang berkuasa. Apa-apa juga kenyataan atau percakapan di Parlimen dilindungi undang-undang dan tidak boleh didakwa di mana-mana mahkamah negara.

Perbahasan di Parlimen merupakan peristiwa bahasa yang berlaku dalam situasi kejadian sebenar. Peristiwa bahasa perbahasan di Parlimen ialah aktiviti bahasa yang menekankan penggunaan bahasa dalam konteks hubungannya dengan komuniti yang terlibat dalam perbahasan. Menurut Asmah Haji Omar (1997:1), interaksi bahasa mengandungi peristiwa bahasa pertuturan yang dicirikan dengan kegiatan bahasa yang melibatkan pemeran, latar, saluran komunikasi, peraturan komunikasi dan struktur interaksi. Perbahasan merupakan kegiatan bahasa yang memperlihatkan bentuk latihan dan

berkemampuan untuk meningkatkan daya analisis perbicaraan isu penting, sama ada dalam bidang sains, sejarah, agama atau politik (Branham dan Meany, 1998:1).

Di samping itu, perbahasan di Parlimen merupakan suatu bentuk peristiwa bahasa yang dapat menunjukkan tahap pertuturan peserta dan disiplin pemikiran para peserta untuk mengolah data atau fakta yang dibawa. Perbahasan di Parlimen ialah peristiwa bahasa yang bentuknya bersesuaian dengan tahap kemampuan berbahasa pesertanya. Ciri yang terkandung dalam perbahasan di Parlimen boleh berubah-ubah berdasarkan usul pertanyaan yang ingin dikemukakan. Perubahan yang berlaku bersesuaian dengan keperluan dan tujuan yang ingin disampaikan oleh peserta.

Selain itu, perbahasan di Parlimen dapat menggambarkan kemahiran berbahasa peserta yang terlibat secara aktif melalui pengoptimuman kecanggihan penggunaan bahasa masing-masing. Penggunaan bahasa yang canggih boleh dilihat dari segi sistem dan struktur bahasa yang digunakan. Sistem dan struktur bahasa yang mengandungi pemilihan kata, ungkapan yang tepat dan struktur ayat dalam genre teks perbahasan di Parlimen sangat menarik untuk dikaji dari sudut etnografi komunikasi. Menerusi soal jawab sebagai medium yang melatari perbahasan di Parlimen, unsur sokongan dan tentangan yang diperlihatkan dalam jawapan lisan bagi pertanyaan dalam genre teks perbahasan di Parlimen menggambarkan adanya konflik antara mereka. Menurut Asmah Haji Omar (1996:2-3) :

Perbahasan merupakan kegiatan yang menggambarkan adanya konflik, yakni keadaan tidak adanya persefahaman berhubung dengan sesuatu perkara atau isu.

Walaupun terdapat konflik dalam perbahasan, pada akhir perbincangan persetujuan akan dicapai melalui undian suara atau undian bahagian yang membawa suatu tujuan yang rasional dengan khalayak. Keputusan yang rasional memperlihatkan kepelbagaiannya bentuk pemikiran peserta yang dapat menggambarkan penglihatan dunia para penghujah (peserta perbahasan). Perbahasan juga mampu meningkatkan kemahiran berfikir secara kritis tetapi berdasarkan fakta. Kemahiran berfikir secara kritis ialah tahap kemampuan peserta memahami kaitan bahasa dengan logik akal yang menguji kemampuan peserta untuk menganalisis, mengkritik, memanipulasikan idea-idea secara induktif dan deduktif bagi meleraikan permasalahan yang dibangkitkan.

Perbahasan di Parlimen berkaitan dengan bidang politik. Bayley (2004:1-8) mengatakan bahawa perbahasan di Parlimen dikategorikan sebagai jenis pengucapan subgenre bahasa politik. Bahasa dalam subgenre politik ialah bahasa yang digunakan dalam pilihan raya di sesebuah negara, bahasa dalam parti politik semasa berkempen, bahasa yang digunakan dalam hubungan diplomasi politik dan pengantarabangsaan, bahasa di Parlimen, dan sebagainya. Menurut W. Pennebaker (2008) pula, struktur perbahasan yang diperlihatkan pada pola aliran idea peserta semasa berhujah digunakan untuk mengenal pasti perwatakan dan ciri keperibadian para peserta.

Perbahasan di Parlimen merupakan perbahasan formal yang dikawal, iaitu setiap peserta dikenakan stimulus yang sama untuk mengemukakan usul atau soalan dan diberi tempoh masa yang tertentu oleh Yang Dipertua Dewan. Anton M. Moeliono (2000:82) pula mengatakan, perbahasan politik bersinonim dengan kebijaksanaan peserta mengolah data. Kebijaksanaan ialah dasar fikiran, pendirian, sikap dan perasaan yang secara eksplisit dan implisit disepakati oleh suatu kelompok yang memberikan arah atau pegangan dan bertindak untuk mencapai tujuan dalam suatu bidang kehidupan. Van Dijk (2004) berpendapat, kebijaksanaan yang lahir daripada pemikiran peserta disebabkan adanya faktor persekitaran peristiwa bahasa atau kejadian. Sehubungan dengan itu, dapat dikatakan pemikiran yang bernalas dan pendirian yang rasional bukan sahaja bergantung pada kebijaksanaan berfikir malah dipengaruhi oleh konteks persekitaran peristiwa bahasa peserta. Model pemikiran peserta perbahasan yang berkaitan dengan konteks atau persekitaran komunikatif peserta dan kejelasan berfikir ditunjukkan melalui gambaran penyataan yang tegas dan kebebasan bercakap ketika berhujah.

Dalam konteks etnografi komunikasi, genre teks perbahasan di Parlimen tidak mengabaikan aspek penting seperti perubahan bahasa selaras dengan ideologi dan perkembangan masyarakat, kedinamikan bahasa, fungsi bahasa dalam masyarakat dan sebagainya. Selaras dengan itu, pendekatan etnografi komunikasi merupakan satu pendekatan yang bukan sahaja mengkaji bahasa dari aspek linguistiknya malah tidak mengabaikan nilai-nilai sosial, budaya dan pemikiran etika berpolitik peserta yang terlibat dalam perbahasan. Pendekatan etnografi komunikasi dalam kajian ini bertujuan

untuk memberikan huraian yang lebih mendalam tentang aktiviti komunikasi antara peserta perbahasan dengan mengambil kira aspek situasi dan kegunaan, dan kecekapan berkomunikasi akan berlaku apabila pola komponen *SPEAKING* grid digunakan sepenuhnya.

Pendekatan etnografi komunikasi bukan hanya melihat sesuatu teks dari sudut permukaan atau nahan semata-mata bahkan melihat makna di samping memberikan penjelasan sebab-musabab makna itu digunakan bagi menjawab beberapa persoalan penting. Pertanyaan ini seperti yang dikemukakan oleh Fasold (1990:37), iaitu "Bagaimana seseorang menggunakan ayat? Adakah untuk mengelak? Adakah untuk menyuruh atau menyebabkan seseorang melakukan sesuatu? Pertanyaan ini mempamerkan kemahiran *verbal* atau 'memberikan maklumat' dan akan dianggap berada di luar teori linguistik". Persoalan yang wujud menggambarkan maksud yang hendak disampaikan. Hubungan timbal balas antara penutur dengan pendengar dan maksud yang ingin disampaikan bertujuan untuk mengeluarkan sumber daripada bahasa bagi mewujudkan matlamat yang berbeza antara peserta. Umpamanya, usul yang dibahaskan oleh peserta bertujuan untuk mengemukakan cadangan, meminta maklumat atau membantah selain bertujuan untuk mencari kebenaran dan sebagainya.

Etnografi komunikasi bukan hanya untuk bidang penyelidikan tetapi juga untuk kajian linguistik dan antropologi (Hymes, 1971:47). Seterusnya, Hymes (1972:34) menjelaskan etnografi komunikasi dapat memberikan gambaran sebenar untuk mengkaji komuniti bahasa kerana huraian linguistik sahaja tidak memadai, tanpa

diberikanuraian sosial komuniti bahasa. Linguistik ialah ilmu yang mengkaji bahasa sebagai bentuk-bentuk lisan dan tulisan, memiliki rumus yang menjelaskan sistem, rasional, empirikal, dan kesimpulan sebagai pemerian daripada kenyataan struktur ayat, penggolongan kata, dan rumus-rumus bahasa, termasuklah pernyataan kekecualiannya. Dan, bahasa itu sendiri ialah alat untuk berkomunikasi dalam proses sosialisasi yang diberikan pemerian secara formal dan abstrak.

Penggunaan bahasa dan cara manusia bertutur adalah dengan menggunakan pola tersendiri dan makna sosial yang hendak disampaikan pula melibatkan rumus atau peraturan berinteraksi. Untuk mencapai pelbagai matlamat hidup, termasuklah berkomunikasi dan membina realitinya gambaran yang tepat dan mutlak tentang realiti, membolehkan manusia membina dan menerima makna realiti kehidupan di dunia ini. Menurut Saville-Troike (1991:3), peraturan interaksi yang diamalkan bersama ialah meliputi peraturan kebudayaan dan ini menjadi pengetahuan asas kepada konteks dan isian peristiwa komunikasi serta proses-proses interaksi. Menerusi analisis genre teks perbahasan di Parlimen, komunikasi antara peserta perbahasan memperlihatkan perbezaan dalam tingkah laku pertuturan penutur dan aliran ideologi pemikiran politik yang bertujuan untuk mempengaruhi dan menyampaikan informasi dalam kalangan khalayak.

Hubungan antara peserta menerusi bahasa yang digunakan dapat menjelaskan identiti penutur dengan persekitaran peristiwa bahasa yang berlaku. Perbahasan di Parlimen merupakan bentuk wacana yang meliputi semua bentuk interaksi ujaran sama ada formal

atau tidak formal, lisan atau tulisan. Hal ini seperti yang dijelaskan oleh Potter dan Wetherell yang memetik Gilbert dan Mulkay (1984), iaitu :

*"We will use 'discourse' in its most open sense, following Gilbert and Mulkay (1984) to cover all forms of spoken interaction, formal and informal, and written text of all kinds."*

(1992:70)

Menelusuri aspek yang lain pula, hubungan dengan perbahasan boleh dilihat dari aspek semantik. Wacana ialah unit semantik yang merupakan satuan yang bukan dilihat dari segi bentuk nahuannya; tetapi dari segi makna. Kepaduan dalam wacana tidak sama dengan kepaduan dalam ayat atau klausa yang dipadukan secara nahuan. Kepaduan wacana bukan sahaja dari sudut nahuan, tetapi juga dari sudut maknanya. Hal ini dijelaskan oleh Halliday dan Hassan seperti yang berikut :

*A text is best regarded as a SEMANTIC unit: a unit not of form but of meaning. Thus it is related to a clause or sentence not by size but by REALIZATION, the coding of one symbolic system in another. A text does not CONSIST OF sentences; it is REALIZED BY, or encoded in, sentences. If we understand it in this way, we shall not expect to find the same kind of STRUCTURAL integration among the parts of a sentence or clause. The unity of a text is a unity of a different kind.*

(1980:2)

Makna yang wujud di sebalik kata yang diujarkan oleh peserta perbahasan di Parlimen berbeza daripada makna yang wujud dalam perbahasan secara formal. Perbezaan dari segi formal dan sebaliknya terletak pada syarat perbahasan yang dijalankan, iaitu dari segi kemahiran yang perlu ada pada seseorang pembahas, lontaran suara yang jelas, menguasai perbendaharaan kata bahasa Melayu dengan baiknya, latihan pernafasan,

dapat menguasai pihak lawan dan khalayak, stamina yang banyak, dan sebagainya. Namun, genre perbahasan di Parlimen masih dikategorikan sebagai perbahasan formal kerana masih menggunakan bahasa baku.

Peristiwa bahasa perbahasan dalam kajian ini juga melihat hubungan linguistik dengan konteks sosial. Genre teks perbahasan Parlimen merupakan wacana politik yang bersumberkan bahan lisan yang telah diterbitkan dalam bentuk teks. Kajian genre teks perbahasan di Parlimen memperlihatkan kejadian sebenar dalam peristiwa bahasa secara lisan. Kegiatan bahasa yang dimanifestasikan melalui medan politik mempunyai peraturan relatif, mengandungi format yang bervariasi serta penggunaan bahasa yang standard justeru boleh dipelbagaikan penggunaannya selari dengan proses pemikiran peserta perbahasan di Parlimen.

### **Penyataan Masalah**

Wahana berkomunikasi antara kumpulan manusia berbeza dan sentiasa berubah-ubah selari dengan peredaran masa dan perubahan masyarakat penuturnya. Pendekatan etnografi komunikasi merupakan salah satu pendekatan yang penting untuk mengkaji penggunaan bahasa dalam konteks interaksi pertuturan yang sebenar. Pendekatan etnografi komunikasi mengemukakan pendekatan yang agak berbeza, iaitu berdasarkan antropologi dan linguistik. Bertitik tolak daripada permasalahan ragam bahasa dalam interaksi pertuturan yang tidak dirinci berdasarkan pendekatan etnografi komunikasi

maka penyelidik merasakan ragam bahasa yang berbeza daripada kajian terdahulu harus dilihat dari aspek yang berlainan.

Dalam konteks situasi formal dan sebaliknya, ragam bahasa yang berbeza bergantung pada konteks pertuturan yang sedang berlaku. Ragam aksi menyoal, aksi mengajuk pertuturan sendiri dalam situasi pertuturan tidak formal oleh Ravichandran Moorthy (1996) dalam kajian bahasa komuniti Chitty Melaka tidak menunjukkan ekspresi individu yang terlibat dalam konteks perbualannya. Ragam bahasa bukan sahaja merujuk kepada nada dan suasana malahan sebagai satu daripada cara yang digunakan untuk menangani masalah yang timbul dalam interaksi pertuturan.

Keragaman bahasa berasaskan pendekatan etnografi komunikasi menimbulkan perubahan apabila kelompok penutur yang berinteraksi mempunyai budaya yang berlainan. Kajian yang terdahulu menunjukkan keragaman bahasa berasaskan etnografi tidak diperjelas secara rinci walaupun pendekatan etnografi komunikasi digunakan sebagai asas dalam kajian. Penggunaan ragam bahasa mempunyai keunikan tersendiri dalam bahasa komuniti Chitty Melaka yang hanya disentuh secara ringkas dan memerlukan kajian yang selanjutnya. Berbanding dengan kajian terdahulu, kajian genre teks perbahasan di Parlimen dapat menunjukkan budaya orang Melayu yang masih mengekalkan nilai budaya berbahasanya menerusi ragam sindiran, perumpamaan dan ragam humor. Di samping itu, ragam bahasa yang diperakukan dan diterima oleh penutur aslinya mengikut perhubungan secara rasmi dikatakan sebagai ragam formal. Hasil penyelidikan menunjukkan ragam-ragam bahasa yang berbeza dari sudut pandangan yang berbeza

merupakan salah satu komponen yang penting dalam kajian teks genre perbahasan di Parlimen dengan jelasnya.

Penguasaan kemahiran berinteraksi akan memudahkan perhubungan antara individu berjalan dengan lancarnya. Dalam sektor pelancongan, kemahiran berinteraksi merupakan salah satu keperluan yang penting. Menerusi kajian Ong Lok Tik (1998), penyelidikan yang dijalankan berdasarkan kerangka teori Saville-Troike (1989). Menurut beliau, kemahiran berinteraksi dan pengalaman luas menjadi kunci utama meletakkan pemandu pelancong berjaya menjalankan tugasnya. Namun, pola-pola komunikasi mengikut teori Saville-Troike tidak diaplikasikan sebaliknya dapatan yang diperoleh dalam kajiannya ialah sekadar menggalurkan beberapa ciri utama yang menempatkan pemandu pelancong berjaya dalam kerjayanya.

Pendekatan etnografi komunikasi yang digunakan untuk menganalisis peristiwa bahasa yang berlaku dalam perbahasan di Parlimen menunjukkan deskripsi perilaku sosial yang terlibat dalam perbahasan yang sedang berlangsung. Perbezaan dari segi pendekatan yang digunakan menunjukkan bahawa terdapat ruang kosong yang dikaji oleh Ong Lok Tik, iaitu beliau mengkaji aspek deskripsi perilaku sosial yang perlu dihadapi oleh jurupandu pelancong walaupun teori Saville-Troike (1989) digunakan sebagai asas kajian.

Penjelasan sesuatu budaya tampak jelas apabila teori yang signifikan digunakan untuk merungkaikan data yang digunakan. Menerusi kajian Sarjit S.Gill (2007), melalui penyertaan Peranakan Punjabi dalam Pembangunan Komuniti, deskripsi identiti dan

kebudayaan peranakan Punjabi dirinci berdasarkan permasalahan yang berlaku dalam masyarakatnya yang meliputi perilaku sosialnya. Pengamatan dari segi aspek budaya pula berdasarkan konsep ‘Samilan’, termasuk konsep pakaian, makanan dan minuman di samping dilema yang wujud kesan krisis yang berlaku dalam komuniti peranakan Punjabi. Konsep budaya yang dikaji sekadar mendeskripsikan contoh, tanpa menjawab persoalan siapa, di mana, mengapa atau bagaimana realiti dalam kehidupan masyarakat Punjabi sedangkan perkara tersebut menjadi norma penting dalam kajian yang menggunakan pendekatan etnografi. Nilai dan konteks makna tentang cara hidup komuniti peranakan Punjabi lebih jelas sekiranya dikaji berdasarkan pendekatan etnografi komunikasi.

Latar merupakan salah satu komponen penting dalam kajian yang menggunakan pendekatan etnografi komunikasi. Analisis konteks berkaitan dengan latar dan watak dalam kajian novel Kawin-kawin oleh Shao Ying (2012), lebih menyerlah berbanding dengan analisis peristiwa bahasa dari sudut etnografi komunikasi. Latar yang disorot berbeza walaupun sedaya upaya menggambarkan sudut pandangan tertentu berdasarkan pendekatan etnografi komunikasi di samping teori Parera Jos Daniel (1991) yang ditanggap terlalu umum untuk mengkaji komponen penting grid *speaking* Dell Hymes (1972). Kebanyakan pengembangan latar berkaitan dengan tempat yang mendasari pengembangan wacana yang berlainan dalam setiap bab dalam novel. Perubahan latar berlaku apabila melibatkan perubahan waktu perbualan antara watak pada waktu pagi, siang dan malam. Peristiwa perbincangan perkahwinan mut’aaah yang berlaku mewujudkan tiga kategori latar, iaitu latar umum, latar khusus dan latar tak tentu.

Permasalahan di atas lebih kompleks apabila dua teori digunakan dalam bahagian penganalisisan data dan untuk menimbulkan hipotesis yang berbeza. Analisis konteks latar mengarah kepada teori Parera Jos Daniel (1991) seolah-olah peneliti berfokus kepada dua bentuk pengamatan, iaitu kajian lapangan dan analisis kandungan teks. Berdasarkan data yang digunakan, konteks latarnya berbeza daripada genre teks perbahasan di dewan rakyat Parliment, iaitu latar masa yang meliputi waktu, tarikh dan peristiwa adalah lebih jelas. Tempoh perbahasan pada hari berkenaan dibuktikan oleh urutan lakuan pertuturan pada bahagian pembukaan komunikasi dan penutupan.

Penggunaan ayat perintah dalam pidato terdiri daripada pelbagai bentuk, antaranya termasuklah kata jangan, usah, jemput dan minta. Dari sudut pandangan yang lain pula, ayat perintah mempunyai tujuan yang sama, iaitu bertindak untuk meminta jawapan. Dalam kajian ayat perintah Pidato yang telah dilakukan oleh Ratna Inzah Mohd Asri (1998), didapati semua ayat perintah dalam pidato yang dikaji tidak semestinya mendapat tindak balas daripada pendengar. Fungsi ayat perintah walaupun ada disebut dalam kajian, tetapi tidak dijelaskan secara rinci. Pengkaji menyertakan contoh-contoh ayat perintah daripada data yang diambil dan tidak menunjukkan fungsi antara ayat perintah yang digunakan oleh pemidato. Ayat perintah yang dikutip daripada teks pidato yang diambil hanya sekadar untuk dibuktikan betul atau salah dengan berdasarkan rujukan Nahu Melayu Mutakhir.

Susulan daripada itu jenis ayat perintah dan fungsi ayat perintah yang berbeza, ayat perintah umpamanya, kata ‘minta’ dalam kajian genre teks perbahasan di Parlimen mengandungi fungsi tertentu. Antaranya termasuklah kata ‘minta’ digunakan untuk meminta maklumat, menerangkan sesuatu isu dan menjelaskan sesuatu peristiwa yang berlaku dengan berdasarkan petikan teks perbahasan. Ayat perintah ‘minta’ tidak terhad penggunaannya. Ayat perintah eksklusif positif dan negatif umumnya, melibatkan pemeran yang kedua, iaitu orang yang diminta jawapan berbanding dengan fungsi ayat perintah dalam pidato. Dari segi sasarannya pula tidak jelas, iaitu khalayak menjadi peserta yang perlu memberikan tindak balas. Tindak balas yang diminta pula sekadar memberikan jawapan ’ya’ atau ’tidak’. Ukuran ini menunjukkan ayat perintah dalam teks pidato masih perlu diterokai dari perseptif yang lebih luas.

Beliau juga tidak menggunakan pendekatan etnografi komunikasi dalam penyelidikan sebaliknya menggunakan rujukan Nahu Melayu Mutakhir dan Bahasa Iklan Perniagaan : Satu Kajian Bahasa Retorik. Bentuk ayat perintah yang dianalisis tidak menerapkan komponen grid *speaking* Dell Hymes (1972) sedangkan penggunaannya dalam ayat perintah akan menjadi jelas apabila dilihat dari sisi lain, iaitu pelaku yang terlibat dalam medium pidato. Pola-pola komunikasi yang terdapat dalam pidato juga bersifat statik.

Pidato dan perbahasan merupakan satu bentuk seni ucapan yang berbeza. Matlamat pidato dalam politik lazimnya untuk meraih undi dan bentuk komunikasinya pula bersifat sehala. Khalayak mendengar walaupun ada disebut sebagai unsur yang tidak dapat

dielakkan dalam kajian pidato tetapi sekadar dibincangkan sepintas lalu tanpa dibuktikan melalui data yang digunakan.

Sehubungan dengan itu, peristiwa bahasa dalam genre teks perbahasan di Parlimen haruslah diterokai untuk mendedahkan keadaan yang sebenar yang berlaku dalam perbahasan di Parlimen. Dalam kajian ini, peristiwa bahasa yang berlaku dalam perbahasan di Parlimen tertakluk pada Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat yang dirangka menurut Perkara 62(1) Perlembagaan Persekutuan. Peraturan yang dirangka mengandungi etika perbahasan. Antara kandungan Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat termasuklah masa dan cara bercakap di dalam dewan, adab ahli yang tidak bercakap, had perbahasan, dan sebagainya.

Dalam perbahasan di Parlimen, perjalanan perbahasan dikawal oleh pengurusi yang digelar sebagai *Speaker* (Tuan Yang Dipertua). Menurut Asmah Haji Omar (2007:9), “..tiap-tiap satu peristiwa bahasa itu mempunyai formatnya tersendiri di samping peraturan menggunakan bahasa”. Perbahasan di Parlimen tergolong dalam peristiwa bahasa yang melibatkan tindakan peserta secara spontan. Tindakan secara spontan oleh peserta merupakan hasil daripada tahap kemampuan pemikiran peserta untuk mengolah isu yang dibahaskan secara langsung. Setiap isu yang dikemukakan akan dibahaskan secara spontan dan tindakan spontan seiring dengan kecekapan berbahasa pesertanya untuk mengolah data.

## **Kepentingan Kajian**

Etnografi komunikasi merupakan pendekatan yang mengkaji wacana yang berusaha untuk menggambarkan perilaku pemeran yang terlibat dan budaya yang melatarinya. Segala aktiviti bahasa yang melibatkan perlakuan manusia dengan masyarakat dan budayanya diinterpretasikan menerusi bahasa yang digunakan. Dalam analisis wacana bahasa merupakan fokus utama untuk menjelaskan makna dalam komunikasi manusia. Berdasarkan sejarah perkembangan kajian wacana masih banyak yang boleh diterokai oleh pengkaji bahasa Melayu. Susulan perkembangan kajian wacana itu muncul beberapa orang sarjana bahasa yang menganalisis bidang wacana dengan menggunakan pendekatan etnografi komunikasi seperti Ravichandran Moorty (1996), Raja Masittah Raja Ariffin (1996), Ong Lok Tik (1998), Md. Sabri Che Man (2003), Ghazali Lateh (2007), Rosli Ab Rahman (2010), dan Shao Ying (2012).

Secara analoginya, bidang wacana boleh dikaji dari aspek nahunya yang meliputi bentuk kata, perubahan kata dan perkaitan antara nahu yang menjadi cabang ilmu linguistik seperti sintaksis, morfologi dan sebagainya. Kajian dalam bidang wacana tidak terhad kepada penggunaan leksikal dan pemberian makna yang arbitrari. Hal ini seperti yang ditegaskan oleh Mc Carthy (1991:5), analisis wacana tidak terbatas pada kajian unsur yang membentuk ayat dari segi tatabahasa sahaja, tetapi ujaran harus dilihat dalam konteks penggunaan ayat justeru harus menerangkan hubungan antara bahasa dengan konteks penggunaannya, seperti yang dijelaskan di bawah, iaitu :

*“Discourse analysis is concerned with the study of relationship between language and the contexts in which it is used.”*

Tujuan sesuatu analisis wacana ialah menghuraikan sesuatu wacana atau teks disusun. Oleh hal yang demikian, sesuatu wacana itu menumpukan perhatian kepada hubungan antara unsur dalam sesuatu teks tertentu untuk mendapat gambaran tentang struktur teks berkenaan (Asmah,1980a:18). Menerusi pendekatan etnografi komunikasi, konteks situasi menyediakan ruang untuk mengetahui sejauh mana fungsi ilmu linguistik dapat digunakan untuk memahami fungsi komunikatif. Makna ujaran oleh penutur lebih mudah diketahui apabila lapan komponen dalam *SPEAKING* grid diikuti sebagai dasar berkomunikasi dengan cekap dan berkesan. Dalam bidang wacana unsur linguistik yang terdiri daripada unit kata, frasa dan kalimat merupakan unsur yang mendasari konsep wacana. Sesuatu kata dalam perkataan atau kalimat tidak dapat ditemukan sekiranya makna dalam kata atau perkataan tidak dapat ditafsirkan dengan jelasnya. Coulthard yang memetik pendapat Labov (1972) mengatakan bahawa :

“Perkara yang ditekankan dalam analisis wacana bukanlah ayat atau klausa sebagai unit tatabahasa semata-mata, tetapi penggunaan unit-unit tersebut dalam konteks pertuturan yang sebenarnya.”

(1977:7).

Menerusi pendekatan etnografi komunikasi, norma peraturan sosial turut diambil kira. Setiap anggota masyarakat yang terlibat dalam komunikasi dapat dijadikan sebagai asas pendeskripsian tingkah laku sosial dan peranannya dalam komunikasi yang sedang

berlangsung. Kajian teks genre perbahasan di parlimen dengan menggunakan pendekatan etnografi komunikasi bersifat holistik, iaitu sebagai satu sistem kajian yang menyeluruh. Dan, ini merupakan satu bentuk kajian yang menarik dan boleh diterapkan dalam kajian bahasa dan budaya.

Pendekatan etnografi komunikasi boleh diterapkan dalam semua bentuk kajian baik secara lisan mahupun secara bertulis. Dari sudut pandangan yang lain, menurut Stubbs (1989:1), analisis wacana sebenarnya merupakan satu analisis linguistik terhadap wacana pertuturan atau tulisan yang wujud secara sebenarnya. Analisis wacana cuba mengkaji struktur bahasa melebihi batas ayat atau klausa. Ini menunjukkan bahawa pendekatan etnografi komunikasi ialah kajian penggunaan bahasa dalam konteks sosial dan secara khususnya dalam interaksi atau perbualan antara penutur.

Di samping itu, menerusi pemilihan data yang berbeza dalam penganalisaan dapat membuktikan pendekatan etnografi komunikasi secara impresif. Data yang dipilih dalam kajian boleh diuji dengan menggunakan kaedah kuantitatif ataupun kualitatif. Sekiranya hasil kajian yang dilakukan diperlihatkan dalam bentuk laporan, kajian tersebut bertujuan untuk mencapai keputusan retoris. Dalam hal ini, sudah terang lagi bersuluh bahawa kajian yang menggunakan penelitian etnografi komunikasi telah mendapat perhatian yang luas kerana boleh diaplikasikan dari sudut acuan yang berbeza. Sehubungan dengan itu, kajian genre teks yang berbeza dapat memanfaatkan bentuk-bentuk bahasa dan sistem organisasi yang berbeza. Perbezaan tersebut menunjukkan perbezaan tujuan yang merupakan fungsi sosial teks tersebut.

Kepentingan pendekatan etnografi komunikasi dari segi konteks ialah pendekatan tersebut dapat digunakan dalam proses untuk memahami sesuatu kata dan frasa dalam teks. Kajian hubungan bahasa dan konteks telah dipelopori oleh Malinowski (1923,1935). Beliau menegaskan bahawa huraian tentang aspek kebahasaan perlu mempertimbangkan penggunaan konteks keadaannya. Konteks dapat dikatakan sebagai sumber maklumat dalam kajian teks. Susulan penggunaan konteks juga, Bruce (2008:14-15) mencadangkan idea pemikiran oleh Malinowski harus dipertimbangkan untuk mengelompokkan dan mengkategorikan teks yang berdasarkan konteks sosial. Hal ini amat jelas seperti yang dikatakan oleh Harimurti (1982:41), iaitu kerangka pendekatan etnografi memberikan maklumat mengenai pola '*emic*', hubungan fungsional bahasa, iaitu penggunaan bahasa dan peraturan yang menentukan tingkah laku pertuturan. Kajian yang dijalankan ini begitu unik apabila fungsi sosial dalam konteks budaya turut dipertimbangkan di samping unit-unit lain yang terdiri daripada rumus-rumus bahasa dalam teks.

Dari aspek gagasan pemikiran pula, kajian ini begitu penting untuk memberikan gambaran aktiviti komuniti dalam kelompok masyarakat yang dikaji. Dalam bentuk sistem tulisan yang dihasilkan dalam teks telah mewujudkan perhubungan sosial dalam kelompok mereka agar mereka tidak hadir secara persendirian. Paltridge (2001:6) menjelaskan bahawa apa-apa juga jenis kerangka perancangan yang dilaksanakan berasaskan genre perlu berasaskan tiga faktor, iaitu pertama jenis penulisan yang membolehkan mereka memberikan tumpuan pada unit bahasa yang lebih besar. Kedua, perbincangan yang menumpukan elemen organisasi atau tatacara wacana bertulis dan ketiga, membolehkan mereka mempertahankan bahagian linguistik sebagai ciri daripada

unit yang lebih besar daripada wacana. Melalui pemerhatian oleh Paltridge (2001:6) beliau mengatakan bahawa :

Genre yang berasaskan program pembangunan bahasa adalah bertujuan untuk menggabungkan wacana dan aspek kontekstual penggunaan bahasa. Program pembangunan bahasa yang dianggap rendah dilihat berdasarkan unit-unit organisasi seperti struktur, fungsi, atau kosa kata.

Kajian genre teks perbahasan di Parlimen dengan menggunakan pendekatan etnografi komunikasi diharapkan dapat menyumbangkan kajian dalam bidang wacana. Kajian ini juga wajar diteruskan oleh generasi yang akan datang kerana pendekatan yang digunakan boleh membantu mengembangkan kajian linguistik di Malaysia. Secara langsung kajian ini juga boleh membantu para penyelidik bahasa memahami penggunaan istilah konteks. Istilah konteks ialah istilah yang digunakan untuk merujuk kepada teks, maklumat yang terkandung dalam teks, perkara tentang maklumat, atau penggunaan teks itu sendiri.

Pengetahuan berkaitan dengan konsep teks dalam konteks, konsep genre yang berhubungan jaringan sosial tidak mustahil boleh diaplikasikan penggunaannya dalam kajian yang menggunakan pendekatan etnografi komunikasi. Hal ini dikatakan demikian kerana genre teks perbahasan di Parlimen mempunyai nilai komunikatif, iaitu melibatkan beberapa kelompok komuniti yang bukan sahaja hadir sebagai peserta perbahasan tetapi melibatkan beberapa komuniti di sebalik tabir. Pendekatan etnografi komunikasi dalam kajian teks dapat membantu meletakkan genre teks di kedudukan yang sewajarnya. Hal ini seperti yang dijelaskan oleh Halliday dan Hassan (1976:2-4) di bawah :

Hubungan padu atau utuh dalam sesebuah teks akan terjalin dan tafsiran sesuatu unsur dalam wacana akan bergantung kepada tafsiran unsur yang lain. Sesuatu unsur akan memerlukan bantuan daripada unsur yang lain untuk mewujudkan keutuhan atau kepaduan sesuatu teks.

Kajian genre teks perbahasan di Parlimen merupakan kajian yang sangat menarik kerana bukan sahaja meneliti bagaimana manusia menggunakan bahasanya untuk berkomunikasi dalam latar suasana yang berbeza namun secara khusus bagaimana penutur membina mesej linguistik untuk disampaikan kepada pendengar, dan bagaimana pendengar cuba memahami mesej linguistik tersebut dapat diketahui. Ini bermakna bahawa pendekatan etnografi komunikasi cuba meneliti bentuk bahasa yang digunakan dalam komunikasi antara penutur dengan pendengar atau penulis dan pembaca dengan mengambil kira faktor-faktor sosial seperti umur, jantina, taraf pendidikan dan peranan sosial.

### **Persoalan Kajian**

Kajian ini dilakukan bagi menjawab beberapa persoalan yang berkaitan dengan genre teks perbahasan di Parlimen dari sudut wacana. Secara khususnya, persoalan kajian tersebut ialah:

- i) Apakah genre teks perbahasan di Parlimen?.
- ii) Apakah pendekatan etnografi komunikasi dalam genre teks yang dikaji?.

- iii) Apakah komponen *SPEAKING* grid yang diterapkan dalam genre teks perbahasan di Parlimen?.
- iv) Bagaimanakah etnografi dikaitkan dengan sistem linguistik genre perbahasan di Parlimen?.
- v) Bagaimanakah komponen *SPEAKING* grid dapat diterapkan dalam genre teks perbahasan Parlimen?.

### Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis satu peristiwa bahasa, iaitu genre teks perbahasan di Parlimen dengan berdasarkan pendekatan etnografi komunikasi. Pendekatan ini adalah untuk mengenal pasti lakuhan bahasa dan ragam bahasa pertuturan dalam kalangan penutur dalam komuniti dari aspek sosiolinguistik. Fokus kajian ialah terdiri daripada lapan Komponen *SPEAKING* grid. Objektif kajian ini secara khusus adalah seperti yang berikut:

- i) Mengenal pasti genre teks perbahasan di Parlimen dari sudut etnografi komunikasi.
- ii) Menganalisis teks perbahasan di Parlimen dari sudut unsur etnografi komunikasi.
- iii) Menjelaskan komponen *SPEAKING* grid yang mempengaruhi peristiwa bahasa genre teks perbahasan di Parlimen dengan menggunakan pendekatan etnografi komunikasi.

## **Batasan Kajian**

Kajian ini memberikan tumpuan lapan komponen *SPEAKING* grid. Bahan kajian yang dipilih ialah genre teks penyata perbahasan rasmi Parlimen di Dewan Rakyat. Data-data daripada teks penyata perbahasan rasmi Parlimen di Dewan Rakyat yang terdiri daripada jawapan lisan bagi pertanyaan usul yang dibahaskan akan dianalisis secara mendalam berdasarkan pendekatan etnografi komunikasi Dell Hymes (1972). Bagaimanapun, analisis ini juga mengambil kira pendapat tokoh lain seperti Ervin-Tripps (1977), Gumperz (1986), Fasold (1990), Saville-Troike (1989), Schiffrin (1994) dan Asmah Haji Omar (1995,1996, 2006), dan lain-lain lagi.

Dari sudut bidang, kajian ini hanya menumpukan genre teks perbahasan dari sudut wacana, iaitu pada lapan komponen *SPEAKING* grid yang terdiri daripada latar, peserta, tujuan komunikasi, urutan lakuan, ragam, alat / saluran komunikasi, norma-norma interaksi dan penafsiran dan genre. Aspek nahu sebagai modus operandi (peranti), iaitu bahasa sebagai proses berkaitan dengan peristiwa, ayat dan modus yang disampaikan melalui medium perbahasan politik juga dilihat untuk mencerminkan bentuk perbahasan. Dalam pada itu, untuk merincikan teks sebagai genre teks, jaringan sosial turut diambil kira dalam proses penulisan dan penerbitan teks perbahasan Parlimen di Dewan Rakyat. Bidang kajian ini tidak akan menyentuh aspek morfologi, sintaksis atau fonologi secara khusus kerana bidang tersebut di luar daripada bidang kajian pengkaji walaupun kemungkinan banyak aspek menarik yang dapat ditemukan sekiranya kajian ini diperluas skop kajiannya.

Dari segi bahan, kajian yang dilakukan ditumpukan kepada satu (1) jenis data sahaja, iaitu genre teks perbahasan di Parlimen. Dalam kajian yang menggunakan pendekatan etnografi komunikasi, terdapat pelbagai data yang boleh digunakan sebagai bahan antaranya termasuklah teks perbualan, teks wawancara, teks temu duga, teks syaran, dan sebagainya. Genre teks perbahasan di Parlimen dipilih sebagai bahan kajian kerana belum ada kajian yang dilakukan berdasarkan pendekatan etnografi komunikasi.

Dari segi tempoh data kajian, data kajian dipungut selama satu tahun bermula 12 Januari 2009 hingga 22 Disember 2009. Sepanjang satu tahun sesi persidangan di Dewan Rakyat diadakan sebanyak tiga penggal, iaitu penggal pertama bermula 12 Januari 2009 hingga Mac 2009, manakala bulan April 2009 dan Mei 2009 sesi persidangan ditangguhkan. Sidang kedua bermula bulan Jun 2009 hingga Julai 2009, bulan Ogos 2009 dan September 2009 sesi persidangan di Dewan Rakyat ditangguhkan dan sesi persidangan di Dewan Rakyat penggal ketiga bulan Oktober hingga Disember 2009. Pengkaji memilih data bermula 12 Januari 2009 sehingga 22 Disember 2009 kerana terdapat pelbagai usul yang menarik di tanah air dan skopnya lebih luas. Usul yang dibahaskan dalam setiap kali persidangan berbeza dan jawapan lisan yang diberikan juga berbeza bergantung pada bentuk pertanyaan yang dikemukakan dan kepakaran dalam bidang masing-masing. Usul yang berbeza menandakan tema pada setiap sesi persidangan bergantung pada kelainan isu semasa yang berlaku di negara Malaysia.

Sebanyak 64 genre teks perbahasan Parlimen di Dewan Rakyat telah dipilih untuk dikaji, iaitu terdiri daripada pelbagai isu dan jawapan lisan bagi pertanyaan yang meliputi isu bahasa, ekonomi, pendidikan, masyarakat, sosiobudaya, agama, dan sebagainya. Jadi, data yang dianalisis bergantung pada tema bukan mengikut urutan tarikh dan bulan.

Memandangkan persidangan di Dewan Rakyat mengandungi dua sesi, iaitu sesi pagi kebiasaannya perbahasan berkaitan dengan jawapan lisan bagi pertanyaan dan sesi petang berkaitan dengan pembentangan Rang Undang-undang Dewan Rakyat maka kajian ini hanya tertumpu kepada jawapan lisan terhadap usul yang dikemukakan oleh Ahli Dewan Rakyat, iaitu pada sesi pagi.

### **Definisi Operasional**

Dalam kajian ini, beberapa konsep dan definisi operasional yang digunakan secara langsung dalam kajian ini akan diperjelas dengan lebih mendalam dengan berdasarkan pendapat dan pandangan beberapa orang tokoh bahasa agar konsep yang terdapat dalam kajian ini menjadi lebih jelas. Antara konsep yang dibincangkan di sini termasuklah genre teks perbahasan di Parlimen, etnografi komunikasi, dan peristiwa bahasa perbahasan di Parlimen.

## **Genre Teks Perbahasan Parlimen**

Konsep antara genre, teks dan perbahasan di Parlimen mempunyai hubungan yang kompleks dan perlu dibincangkan dengan begitu teliti. Terdapat beberapa definisi genre teks dan perbahasan di Parlimen yang disarankan oleh sarjana bahasa mempunyai hubungan langsung dengan kajian genre teks. Dari segi istilah, genre telah wujud sejak abad ke-19. Menurut Rosmarin (1986:23) dalam bahasa Yunani, genre bererti 'jenis' atau '*sort*'. Hymes (1974 : 52) pula berpendapat, genre sering berkaitan dengan peristiwa ucapan dan diperlakukan sebagai analitis bebas daripada mereka dan mungkin terjadi dalam peristiwa yang berbeza. Beliau mengambil contoh teks khutbah sebagai teks genre, biasanya dikenal pasti berdasarkan tempat yang tertentu. Apabila melibatkan peristiwa bahasa, '*speech events*', aspek kegiatan atau aktiviti dalam acara pidato akan dikawal secara langsung oleh peraturan dalam norma penggunaan bahasa.

Menurut Martin (1985:250-251), genre itu berlaku apabila bahasa digunakan dengan sempurnanya. Selain bentuk sastera seperti puisi dan naratif, genre boleh dikaji dalam bentuk, eksposisi (pernyataan), ceramah, seminar, resipi, manual (buku garis panduan), membuat temu janji, khidmat pelanggan, berita, media siaran, dan sebagainya. Hal ini menunjukkan bahawa konsep genre meliputi setiap jenis kegiatan bahasa yang terhasil kesan daripada berlakunya tindak balas perubahan dalam budaya sesuatu masyarakat berbahasa. Konsep genre juga boleh diidentifikasi sebagai suatu pasak (*turning point*) yang menjadi asas kepada kajian 'laras' dan dibuktikan sebagai suatu konsep yang berfungsi untuk menyelaraskan perubahan dalam 'laras'. Genre juga merupakan 'sistem'

yang digunakan untuk mencapai tujuan sosial dengan cara lisan dan digunakan untuk menganalisis struktur wacana.

Oleh itu, pada asasnya, apa-apa yang dikatakan sebagai ‘genre’ ialah biasanya mempunyai awalan, pertengahan dan akhiran. Sesuatu genre itu wujud ialah apabila berlakunya ‘strategi’ dalam perlakuan pertuturan, iaitu seseorang itu berfungsi sebagai objek utama berperanan sebagai penyelaras untuk mewujudkan kerangka genre. Berdasarkan pendapat Hymes dan Martin di atas dapat dikatakan bahawa konsep genre merupakan sistem yang berkaitan antara konteks situasi, kelainan konteks dan mempengaruhi penggunaan bahasa. Genre yang terhasil daripada kegiatan bahasa ialah dokumentasi yang mengandungi sistem yang digunakan untuk mencapai matlamat sosial. Pada waktu yang sama dalam genre ada peraturan penggunaan bahasa antaranya termasuklah dari segi pengambilan giliran ketika bertutur dalam perbahasan.

Genre teks pula boleh dibahagikan kepada beberapa jenis. Menurut Couture (1986:82) beliau mengaitkan konsep genre dengan teks. Genre hanya wujud dalam teks yang sudah selesai atau teks yang sudah lengkap. Genre merupakan jenis pengekodan dalam kumpulan teks dan genre juga dijadikan sebagai ukuran penentuan awalan, penerusan dan penamatkan dalam sesebuah teks. Konsep genre terbahagi kepada dua kategori, iaitu genre dalam bentuk laporan yang memberikan penjelasan tentang laporan perniagaan dan dikategorikan sebagai teks berstruktur yang lengkap manakala laporan saintifik, dan laporan bahasa yang diterbitkan dalam surat khabar dikategorikan sebagai register.

Bazerman (1997:19) pula berpendapat bahawa konsep genre bukan sahaja dapat dijelaskan sebagai bentuk tetapi konsep genre dapat menggambarkan cara-cara perilaku seseorang dalam kehidupan. Genre sebagai teks pula mempunyai hubungan dengan teks yang tertentu daripada genre yang sama dan boleh dikesan dengan mengenal pasti aspek luaran. Keseluruhananya, genre ialah gambaran aksi sosial yang berkaitan dengan proses pembelajaran dan persekitaran. Genre ialah titik lokasi terbinanya makna. Genre juga membentuk fikiran kita dalam bidang komunikasi dengan siapa dan di mana kita berinteraksi. Genre sebagai sumber yang menjadi gerakan yang ditunjukkan dalam tindakan komunikatif agar difahami antara satu sama lain dan memberikan panduan bagaimana untuk berhubung rapat.

Teks pula dikaitkan dengan petikan sama ada secara lisan atau tulisan. Hal ini dijelaskan oleh Halliday dan Hassan (1976:2-4), iaitu perkataan yang terdapat dalam teks digunakan untuk merujuk kepada sesuatu petikan sama ada lisan atau tulisan, dengan sebarang kepanjangan yang membentuk satu keseluruhan (*a unified whole*). Teks mempunyai tekstur yang membezakannya daripada sesuatu yang bukan teks. Tekstur ini dibentuk oleh hubungan yang kohensif. Menurut Kress (1985:18), teks boleh dihubungkan dengan konteks dari sudut semiotik. Teks juga boleh dipaparkan melalui situasi sosial yang tertentu dan dibina dengan tujuan tertentu oleh satu penutur atau lebih oleh penulis. Makna sebagai hasil gambaran daripada teks. Walaupun asal usul makna dari luar teks yang dibincangkan melalui situasi yang kukuh, iaitu perubahan sosial namun situasi sosial menentukan bentuk teks yang berhasil ialah kesan daripada bentuk situasi seperti acara, maka satu bentuk teks akan wujud.

Ayat yang ada dalam teks pula mempunyai perkaitan antara satu sama lain. Perkaitan tersebut diterima oleh masyarakat pengguna bahasa sebagai ciri yang menjadikan teks berfungsi sebagai mesej komunikasi yang berkesan dan sempurna. Teks berkaitan dengan konteks fizikal merujuk kepada bukan hanya untuk tempat fizikal seperti bilik kelas, penerbitan tertentu, seperti jurnal tetapi juga digunakan sebagai rujukan semua unsur nonlinguistik dan nontekstual yang menyumbang kepada situasi tujuan pembaca dan penulis ini dicapai. Oleh itu, konteks merujuk kepada peristiwa yang terjadi di sekitar orang yang sedang bertutur dan penulis (Halliday, 1991:5). Menurut Crystal (2006:461-462), teks ialah sejumlah ayat yang secara satu satuan dapat menyampaikan informasi mengenai sesuatu judul. Dengan itu, teks boleh terdiri daripada satu perenggan, satu halaman, bahkan satu buku. Hal ini seperti yang dijelaskan di bawah :

*Text is the pre-theoretical term used in linguistics and phonetics to refer to a stretch of language recorded for the purpose of analysis and description. What is important to note is that texts may refer to collection of written or spoken material (the latter having been transcribed in some way), eg. Conversation, monologues, rituals and so on.*

Dalam konteks ilmu linguistik, teks merujuk kepada bahasa yang telah mendapat karangan bertulis. Teks boleh disampaikan secara bertulis dan secara lisan. Penghasilan teks berdasarkan latar sosial yang mendukungnya dan dibezakan dengan berdasarkan penggunaan laras. Mesej dapat dijelaskan sesuai dengan konteks mereka, mengingati ciri orang yang menghasilkan teks, ciri situasi dan tujuan komunikatif yang berkaitan dengan teks. Justeru, kajian teks sering dikaitkan dengan konteks situasi. Terdapat istilah umum yang digunakan untuk mengkategorikan teks dari aspek perkongsian ciri sosial atau

situasional. Menurut Asmah Haji Omar (2006:39), “teks merupakan konteks atau tempat timbulnya makna seperti yang difahami oleh masyarakat pengguna bahasa..”.

Dalam penerbitan teks, wujud konsep jaringan sosial. Konsep jaringan sosial dalam penerbitan teks akademik ada dibincangkan oleh Asmah Haji Omar dalam bukunya yang berjudul, ‘Wacana Akademik : Teori dan Penerapan (2006). Asmah Haji Omar (2006 : 23-24)’ menjelaskan bahawa sesuatu bahan yang hendak ditulis perlu mempertimbangkan beberapa perkara, iaitu ada komuniti yang akan membaca atau berminat membaca hasil penulisannya itu, dalam karyanya akan ada maklumat yang dikongsi bersama dengan ahli dalam komuniti wacananya, ada maklumat baru yang akan dibawanya yang belum diketahui oleh ahli-ahli komuniti atau sebahagian besar komuniti wacananya, dan ada genre yang standard yang diterima oleh komuniti wacananya untuk jenis penulisan yang hendak disampaikannya.

Seterusnya, beliau menjelaskan jaringan sosial atau jaringan komunikatif terdiri daripada ahli-ahli komuniti yang mempunyai minat yang sama, iaitu mengajar, menyelidik, membincangkan dan sebagainya, perkara yang bersifat akademik. Jaringan sosial yang besar ini boleh disubgolongkan dengan berdasarkan bidang atau jenis ilmu. Dengan itu, ada jaringan sosial linguistik, jaringan sosial sosiologi, jaringan sosial biologi, dan sebagainya. Penerbitan sesuatu teks juga berdasarkan konteks sebagai latar penghasilan teks. Menurut pendapat Beaugrande dan Dressler (1986:48), dalam konteks tertentu teks juga mempunyai hubungan dengan sistem komunikatif ujaran dan merujuk kepada

budaya dalam masyarakat yang melingkungi sistem komunikatif seperti yang dijelaskan di bawah :

*“A text will be defined as a communicative occurrence which meets seven standards of Textuality. If any of these standards is not considered to have satisfied, the text will not be communicative. Hence, non-communicative texts are treated as non-texts”.*

Tujuh jenis ukuran ketekstualan (*seven standards of textuality*) digunakan oleh Beaugrande dan Dressler ialah *coherence*, *intentionality*, *acceptability*, *informativity*, *situationality* dan *intertextuality*. Penggredan yang diberikan dalam konteks teks atau situasi ujaran menunjukkan teks mempunyai butir leksikel (sejumlah kata) yang merujuk kepada hubungan antara tuturan dan rujukan dan ditentukan oleh sesuatu masyarakat bahasa tertentu. Manakala, menurut Ann M.Johns (1997:27), terdapat beberapa elemen dalam konteks antaranya termasuklah pengalaman yang berlaku dalam kehidupan yang mengandungi beberapa peristiwa bahasa yang sering berulang. Konteks menjadi aspek penting dalam menentukan jenis teks yang diterbitkan.

Genre teks perbahasan di Parlimen merupakan salah satu bentuk teks yang diterbitkan dengan berdasarkan konteks peristiwa bahasa yang berlaku dan merupakan dokumen yang diterbitkan oleh mana-mana negara yang mengamalkan pemerintahan secara demokrasi berparlimen. Genre teks perbahasan di Parlimen mengandungi dokumen rasmi yang telah dipersetujui oleh ahli Parlimen sebelum diterbitkan dalam saluran media massa, iaitu internet. Genre teks perbahasan yang juga dikenali sebagai (*hansard*)

mengandungi bilangan penggal, hari dan tarikh bersidang. Kandungan genre teks perbahasan di Parlimen ialah jawapan lisan bagi pertanyaan usul yang dikemukakan oleh ahli Parlimen di kawasan pemerintahan masing-masing yang telah dipilih oleh rakyat dalam pilihan raya umum. Dari segi kandungan genre, teks perbahasan di Parlimen ialah usul pertanyaan yang dikemukakan oleh ahli Parlimen dan dibahaskan sebelum dipersetujui.

Perbahasan di Parlimen menunjukkan satu aktiviti yang menyerupai perbincangan Parlimen. Dari aspek yang lain, menurut Asmah Haji Omar (1996:9-17), perbahasan merupakan kegiatan perbincangan yang berlaku antara peserta dalam suatu seminar atau persidangan. Proses perbahasan yang berlaku ada kalanya merujuk kepada kata sidang atau persidangan Parlimen. Meany (2002:5-6) pula menjelaskan bahawa perbahasan di Parlimen mempunyai ciri-ciri yang dinamik, menghiburkan dan mencabar. Selain itu, perbahasan di Parlimen juga menyediakan saluran untuk bertutur bagi mengukur keterampilan diri yang dilakukan tanpa persediaan.

Dari aspek yang lain, perbahasan di Parlimen merupakan satu peringkat yang dicetuskan oleh konfrontasi dan berlaku antara ahli Parlimen untuk menyatakan pendirian terhadap isu yang dibahaskan. Dari segi pemikiran pula, Snider dan Schnurer (2002:52) berpendapat bahawa perbahasan merupakan asas kepada kemahiran untuk berfikir, diperlihatkan daripada susunan data mengikut kepentingan dan menjadi persediaan paling asas kepada peguam ketika menghadapi saat-saat kritikal.

Selain itu, berbanding dengan pemikiran sebenar seperti yang diutarakan oleh Snider dan Schnurer di atas yang jelas berbeza dalam situasi sebenar dalam genre teks perbahasan di Parlimen khususnya di negara Malaysia. Pihak kerajaan akan mengemukakan usul untuk dibentangkan dan dibahaskan. Usul tersebut merupakan cadangan yang berbentuk dasar kerajaan yang akan dilaksanakan di dalam negara. Wakil rakyat daripada pihak kerajaan hendaklah mengemukakan hujah untuk menyokong usul tersebut, manakala wakil rakyat daripada pihak pembangkang pula akan memberikan hujah sama ada membaiki usul tersebut atau menolak langsung usul yang dikemukakan. Perbahasan sesuatu usul oleh pihak kerajaan diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan dibantu oleh dua orang menteri lain yang akan membawa usul tersebut dan menterjemahkan beberapa isu untuk dibahaskan.

Dengan berdasarkan definisi di atas, konsep genre digunakan untuk merujuk kepada teks yang sudah lengkap. Teks merupakan untaian buah fikiran seseorang yang disusun menjadi perenggan yang berurutan antara satu sama lain. Konsep genre teks dapat diperluas bidangnya kepada laras tertentu bergantung pada faktor konteks situasi yang melatari pendokumentasian genre. Kesempurnaan dalam penggunaan bahasa seperti dalam penggunaan ayat, perkataan dan ungkapan menjadi faktor penting untuk membantu mengklasifikasikan genre teks perbahasan di Parlimen mempunyai kesatuan buah fikiran, iaitu sebagai satu bentuk wacana Melayu.



## Etnografi Komunikasi

Saville-Troike dalam bukunya yang berjudul “*Etnography of Communication: An Introduction*”, “1982” mengatakan “etnografi” sebagai satu bidang kajian yang menumpukan kajian secara deskriptif dan analisis kebudayaan manakala linguistik pula, antara lainnya mendiskripsikan dan menganalisis kod-kod bahasa, etnografi komunikasi merupakan data atau maklumat berkenaan dengan proses menstrukturkan tingkah laku sosial. Persoalan utama yang diketengahkan dalam kajian etnografi komunikasi ialah : Apakah seseorang penutur tahu cara untuk berkomunikasi secara tepat dalam suatu masyarakat penutur dan bagaimana dia mempelajarinya?. Jawapan kepada kedua-dua soalan ini akan menunjukkan kemampuannya berkomunikasi (*communicative competence*). Seseorang dikatakan mempunyai “kemampuan komunikasi apabila memenuhi tiga syarat, pertama penutur perlu mengetahui peraturan komunikasi sama ada linguistik atau sosiolinguistik. Kedua, penutur perlu mempunyai pengetahuan mengenai peraturan komunikasi yang dimiliki bersama (*shared rules*). Ketiganya, penutur perlu mengetahui peraturan dan pengetahuan mengenai budaya penutur yang menjadi asas kepada peristiwa komunikatif dan proses interaksi.

Menurut Schiffrin (1994:137) pula, etnografi komunikasi memperlihatkan sifat keterbukaan pendekatan yang digunakan dan metodologinya untuk membolehkannya melihat bentuk dan fungsi yang tersedia untuk berkomunikasi. Pendekatannya bukan sahaja menumpukan pelbagai tingkah laku pertuturan malah, melihat bentuk dan fungsi dalam kehidupan dari sudut yang berbeza. Etnografi komunikasi juga menganalisis pola

komunikasi sebagai sebahagian daripada pengetahuan budaya dan tingkah laku penutur. Hal ini memberikan penjelasan dan pengiktirafan kepada bagaimana dalam komunikasi (yang turut dikenali sebagai realitiviti budaya) dan tingkah laku dan kepercayaan masyarakat yang bersifat keseluruhan.

Etnografi komunikasi dapat mendeskripsikan bentuk lakuan pertuturan yang berlaku dalam peristiwa bahasa. Perilaku sosial dalam konteks latar yang berbeza dapat diamati secara menyeluruh dengan berdasarkan pendekatan etnografi komunikasi. Penerapan pola komunikasi yang terdiri daripada lapan komponen ‘*SPEAKING*’ grid dapat menentukan tahap kecekapan peserta perbahasan. Elemen norma interaksi dan penafsiran yang terdapat dalam komponen ‘*SPEAKING*’ grid wujud sebagai satu bentuk kawalan yang berfungsi untuk meletakkan genre teks perbahasan di Parlimen dalam situasi yang formal.

### **Peristiwa Bahasa (*Speech Event*) Perbahasan Parlimen**

Peristiwa bahasa terdiri daripada satu atau beberapa lakuan bahasa. Menurut Hymes (1972:56), peristiwa bahasa dikatakan sebagai satu istilah yang penggunaannya terhad kepada aktiviti yang ditentukan secara terus oleh peraturan dan norma-norma penggunaan bahasa.

Saville-Troike (1982:59) memberikan huraian yang agak terperinci mengenai peristiwa bahasa dengan menggunakan istilah peristiwa komunikasi (*communicative event*) bagi

menggantikan istilah peristiwa bahasa (*speech event*). Beliau berpendapat bahawa ‘peristiwa komunikasi’ merupakan unit asas untuk tujuan pendiskripsian bahasa. Suatu ‘peristiwa komunikasi’ boleh didefinisikan sebagai komponen yang bersepadau (*unified*), iaitu bermula dengan ; mempunyai tujuan komunikasi yang sama, topik perbualan yang sama, umumnya menggunakan ragam bahasa yang sama, mengekalkan tona dan nada yang sama dan mempunyai peraturan interaksi yang sama dalam latar tempat yang sama.

Menurut Saville-Troike (1991:30) lagi, peristiwa komunikasi itu berakhir apabila berlaku perubahan pada peserta yang utama, berlaku pada hubungan peranan mereka atau berlaku perubahan fokus perhatian. Jika tidak terdapat sebarang perubahan pada peserta utama dan latar, garis sempadan di antara peristiwa biasanya ditandai oleh suatu jarak masa kesenyapsunyian ataupun oleh perubahan pada keadaan badan.

Menurut Asmah Haji Omar (1996:1-29), peristiwa bahasa ialah kegiatan bahasa yang melibatkan pemeran, latar, saluran komunikasi, kandungan perbualan atau perbincangan, peraturan interaksi dan struktur interaksi. Dalam berbagai-bagai perbahasan pemeran berada dalam keadaan konflik, iaitu konflik idea yang boleh ditafsirkan sebagai konflik ideologi, aliran pendapat dan sebagainya. Hubungan antara mereka boleh formal, boleh tidak formal, boleh mesra atau sebaliknya bergantung pada jenis perbincangan atau perbahasan yang disertai mereka, serta latar belakang perkenalan mereka satu sama lain.

Latar merujuk kepada lingkungan peristiwa bahasa diadakan. Jenis perbahasan atau perbincangan mempunyai latar sendiri. Saluran komunikasi pada amnya perbahasan diadakan secara bersemuka. Kandungan merupakan maklumat bersama antara pemeran.

Peraturan interaksi adalah dari segi jangka masa bercakap, giliran bercakap serta bahasa yang digunakan. Struktur interaksi, setiap jenis perbahasan mempunyai struktur interaksinya sendiri. Peristiwa bahasa merupakan kegiatan yang ditimbulkan oleh sekurang-kurangnya dua pelaku (penutur) jika wujud konflik antara orang yang mengambil bahagian atau pemeran maka peristiwa bahasa itu disebut sebagai peristiwa bahasa pertuturan.

Genre teks perbahasan di Parlimen merupakan bentuk wacana yang telah dideskripsikan dalam bentuk teks bertulis yang mengandungi beberapa bentuk lakukan pertuturan kerana melibatkan beberapa jenis kelompok penutur, iaitu lebih daripada dua kelompok yang mempunyai latar aliran ideologi yang berbeza.

### Kesimpulan

Kajian genre teks perbahasan di Parlimen merupakan suatu bentuk peristiwa bahasa yang bentuknya bersesuaian dengan tahap penuturnya. Perbahasan di Parlimen mempunyai khalayak pendengar dan pembaca yang memiliki tahap akademik yang berbeza tetapi mempunyai keinginan untuk merakamkan sesuatu untuk dikongsi dengan khalayaknya.

Dari sudut etnografi komunikasi, genre teks perbahasan di Parlimen ialah hasil rakaman peristiwa kejadian yang sebenar yang dicorakkan oleh kegiatan berbahasa pemeran secara spontan. Perbezaan dari segi latar akademik dan ideologi politik pemeran perbahasan

meletakkan genre teks perbahasan di Parlimen dalam medium yang tersendiri. Kepakaran pemeran mengaplikasikan bentuk bahasa dan mengolah data maklumat ketika berhujah dapat mengklasifikasikan teks yang dikaji mempunyai nilai bahasa yang standard sebagai memenuhi syarat kajian wacana Melayu.



## BIBLIOGRAFI

- Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. (2000). *Seni Bercakap-cakap dan Berbual-bual*. Kuala Lumpur. PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan. (1987). *30 Tahun Perancangan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Hussain. (1991). *Kamus Istimewa Peribahasa Melayu*. Edisi ke dua. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Chaer Leonie Agustina. (1995). *Sosiolinguistik Suatu Pengantar*. Jakarta : PT Rineka Cipta.
- Ab. Razak Ab. Karim. (1998). *Warkah-warkah Melayu Lama Sebagai Satu Genre*. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya.
- Ab. Razak Ab. Karim. Warkah-warkah Melayu di Nusantara : Kajian Genre dan Etnolinguistik. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Simposium Internasional Pernaskahan Nusantara IX di Baruga, Ketaron Buton, Bau-bau, 5-6 Ogos 2005.
- Ahmad Ramizu Abdullah. (2008). *Konflik dan Kuasa di Mahkamah Syariah : Analisis Pragmalinguistik Kata dan Ungkapan*. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya.
- Ahmad Atory Hussain. (1991). *Kerajaan Tempatan : Teori dan Peranan di Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Atory Hussain. (2010). *YB Oh YB : Antara Peranan dan Tanggungjawab*. Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributors Sdn.Bhd.
- Ahmad Mahmood Musanif. (1998). *Tanya Jawab Dalam Novel Salina. Karangan A. Samad Said. Satu Kajian Berdasarkan Teori Lakuan Pertuturan*. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya.
- Ahmad Zahid Hamidi.(2004). *Pidato Politik : Menjana Kredibiliti Mendepani Khalayak*. Kuala Lumpur : Utusan Publication & Distributor Sdn.Bhd.
- Ainon Mohd & Abdullah Hassan. (2000). *Kursus berfikir untuk Kolej dan Universiti*. Kuala Lumpur : PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Alfred C, S .(2008). *Code of the Debater*. New York, USA : International Debate Education Association.
- Anton M. Moeliono. (2000). *Kekuasaan dalam Bahasa dalam Kajian Serba Linguistik* : Jakarta : Universitas Katolik Indonesia Atma Jaya.
- Arbak Othman. (1983). *Permulaan Ilmu Linguistik: Suatu Pengenalan Konsep Bidang Kajian Secara Teoritis*. Kuala Lumpur : Sarjana Enterprise.

- Arbak Othman. (1989). *Nahu Bahasa Melayu*. Petaling Jaya : Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Asmah Haji Omar. (1980a). “Analisis Wacana (Bahagian Akhir)”. Dewan Bahasa, 24(3) : 11-25.
- Asmah Haji Omar. (1987). *Bahasa Malaysia Saintifik*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1993). *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1995). *Wacana Temuduga dan Wawancara*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1996). *Wacana Perbincangan, Perbahasan dan Perundingan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1998). *Concept of Conflict, War and Peace in the Malay Language*. Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Melayu. Universiti Malaya.
- Asmah Haji Omar. (2004). *Penyelidikan, Pengajaran dan Pemupukan Bahasa*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2006). *Panduan Wacana Akademik, Teori dan Penerapan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2007). *Kesantunan Bahasa dalam Pengurusan Pentadbiran dan Media*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2009). *Nahu Melayu Mutakhir*. Edisi kelima. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2011). *Teori dan Kaedah Nahu : Sejarah Pertumbuhan Aliran Pemikiran*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Askehave, N., and Nielsen, A.E., (2005). Digital Genres : A Challenge Traditional Genre Theory. *Information Technology & People*.18(2):Vol.120-141.
- Askehave, N., and Swales,J.M. (2001). Genre Identification and Communicative Purpose : A Problem and Possible Solution. *Applied Linguistic*. Vol.22(2):195-212.
- Auerbach C.F, and Silverstein L.B., (2003). *An Introduction to Coding and Analysis : Qualitative Data*. New York and London : New York University Press.
- Berkenkotter,C., and Huckin,T. (1995). *Genre Knowledge in Disciplinary Communication*. Hillsdale, NJ : Lawrence Erlbaum.
- Bayley, P. (2004). *Cross-cultural Perspectives on Parliamentary Discourse*. Amsterdam Philadelphia: John. Benjamins Pub. Co.

- Bazerman,C. (1997). The Life of Genre, the Life in Classroom. In W. Bishop and H.Ostrum *Genre and writing* (pp.19-26). Portsmouth, NH : Boynton.
- Beaugrande R.de. dan Dressler,W. (1986). *Introduction to Text Linguistics*. 3<sup>rd</sup> edition. London and New York : Longman.
- Bakhtin, M. (1986). The Problem of speech genres. In M. Bakhtin, *Speech genres and other late essays*(trans. V.McGee)(pp.60-102). Austin,TX:University of Texas Presss.
- Bhatia,V. K. (1993). *Analysing Genre : Language Use in Professional Settings*. London : Longman.
- Bhatia,V. K. (2000). Genre in Conflict. In Ann,C.*Analysing Professional Genre*(pp.61-147). Amsterdam.
- Bhatia, V. K.(2001). *The Power and Politics of Genre*.London : Routledge.
- Bhatia, V.K. (2004). *World of Written Discourse : A Genre-based view*. London : Longman.
- Biber, D. (1995). *Dimensions of Register Variation*. Cambridge : Cambridge University Press.
- Biber, Conrad. (2009). *Register, Genre and Style*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Blommaert, J. (1999). *Language Ideological Debates*. Berlin, New York : Mouton de Gruyter, Jerman.
- Branham, R. and Meany,J. (1998). *Parliamentry Debate*. Claremont McKenna College : Spring.
- Bruce, Ian . (2008). *Academic Writing and Genre : A Systematic Analysis* . London GBR: Continuum International Publishing.
- Carnegie, D. (2009). *Leadership Mastery. How to Challenge Yourself and Others to Greatness* : Great Britain.
- Chilton, P.A. (2004). *Analysing Political Discourse:Theory and Practice*. London: Routledge.
- Chilton, P.A and Schaffner, C. (2002). *Politics as Text and Talk. Analytic Approaches to Political Discourse*. John Benjamins Publishing Company.
- Christie, F. and Martin J.R. (2005). *Genre and Institutions : Social Processes in the Workplace and School*. London GBR: Continuum International Publishing.
- Claire, K. (1998). *Language and Culture*. Oxford : University Press.
- Coe,R.M, and Freedman,A. (1998). Genre Theory Australian and North American Approaches. In M.L Kennedy (Ed.). *Theorizing Composition : A Critical Sourse book*

of theory and scholarship in contemporary composition studies (pp.136-147). Westport, CT: Greenwood.

Couture,B. (1986). *Functional Approaches to Writing:Research Perspectives*. Norwood : Ablex.

Cornelia, I. (2006a). Parliamentary Discourse. In Brown,K.*Encyclopedia of Language and Linguistic. 2nd Edition*. Vol.9: 188-197. Oxford : Elsevier.

Crowston, K., and Kwasnik, B. (2005). Weblogs as a Bridging Genre. *Information Technology & People*. Vol. 18(2):142-171.

Cross,C., and Oppenheim,C. (2006). A Genre Analysis of Scientific Abstracts. *Journal of Documentation*. Vol.62(4):428-446.

Crystal, D. (2006). *How Language Works*. London : Penguin Books.

Crystal,D. (2003). *A Dictionary of Linguistics and Phonetics*. 5<sup>th</sup> Edition. New York: Basil Blackwell Publishing.

Coulthard, M. (1997). An Introduction to Discourse Analysis. London : Longman

Coulthard, M. (1977). An Introduction to Discourse Analysis. London : Longman.

D.Hymes. (1964). Toward Ethnographies of Communication : The Analysis of Communicative Event. In Pier Paolo Giglioli. Australia : Victoria and Ringwood, 20-41.

Dadan Rusmana, M. Ag. (2005). *Tokoh dan Pemikiran Semiotik*. Jakarta:Tazkiya Press.

Darwis Harahap. (1989). *Peristiwa Bahasa*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Deddy Mulyana dan Jalaluddin Rakhmat. (2000). *Komunikasi Antarbudaya*. Cetakan ke lima. Bandung : PT Remaja Rosdakarya.

Devitt, A.J. (1997). Genre as a Language Standard. In W.Bishop & H. Ostrum.*Genre and writing* (pp.45-55) Portsmouth, NH : Boynton / Cook.

Denzin, N.K., & Lincons,Y.S. (1998). *The Landscape of Qualitative Research : Theories and Issues*. Thousand Oaks : Sage Publication.

Denzin,N.K., & Lincons,Y.S. (2000). *The Sage Handbook of Qualitative Research*. Thousand Oaks : Sage Publication.

Devitt, A.J. (2004). *Writing Genre*. Southern Illinois : University Press.

De Vito, Joseph.A. (2003). *Messages, Building Interpersonal Communication Skills*. 5 th Edition. Boston: Allyn and Bacon.

Duncan,C. (2003). *Advanced Quantitative Data Analysis*. Berkshire, GBR : Mc Graw-Hill Education.

- Dunkling, L. (1990). *A Dictionary of Epithets and Terms of Address*. London and New York : Routledge.
- Eckert, P. and Rickford, J.R. (2001). *Style and Sociolinguistic Variation*. Cambridge University Press.
- Elster, J. (1998). *Deliberative Democracy*. United Kingdom : Cambridge University Press.
- Ervin-Tripps,Susan. (1977). An Analysis of the Interaction of Language Topic and Listener.  
In Joshua Fishman, *Reading in the Sociology of Language* (193-914). The Hague : Maintain.
- Ervin-Tripps. (1977). Is Sybil There?. The Structure of American English Direction Language in Society. 5:25-66
- Fasold, R. (1990). *Sociolinguistics of Language*. Oxford : Basil Blackwell.
- Fairclough,N. (1995). *Critical Discourse Analysis*. Boston : Addison Wesley.
- Fishman, Joshua A. (1991). *Reversing Language Shift*. Clevedon:Multilingual Matters.
- Fishman, Joshua A. (1991). Sosiologi Bahasa : Satu Pendekatan Sains Kemasyarakatan Antar Displin Terhadap Bahasa dalam Masyarakat. Terjemahan. Universiti Sains Malaysia dan Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur.
- Freedman, A. and Medway, P. (1994). *Genre and the New Rhetoric*. London : Taylor & Francis.
- Fuad Hassan. (2005). *Panorama Filsafat Ilmu*. Jakarta : TERAJU Jakarta Selatan.
- Folger, Joseph A. (2009).*Working Through Conflict : Strategies for Relationships, Group, and Organization*. 6<sup>th</sup> edition. Boston : Pearson.
- Gilbert,G.N and Mulkay,M. (1984). *Opening Pandora's Box : A Sociological Analysis of Scientist Discourse*. Cambridge : Cambridge University Press.
- Giltrow, J., and Stein, D. (2009). *Genres in the Internet : Issues in the Theory of Genre*. Amsterdam, NLD: John Benjamins Publishing Company.
- Giltrow,J. (2010). Genre as Difference : The Sociality of Linguistic Variation. In Dorgeloh, H.. *Topic in English Linguistic*, Vol 70: Syntactic Variation and Genre Berlin : Walter de Gruyter.
- Ghani Ismail. (2005). *Makna Ujaran Dalam Novel Karya Arena Wati Dari Sudut Pragmatik*. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Putra Malaysia.
- Ghazali Lateh. (2007). *Interaksi dalam Ujian Lisan Berasaskan Sekolah dalam Kalangan Remaja*. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Putra Malaysia.

Gumperz, J.J.(1986). *Direction in Sociolinguistic: The Ethnography of Communication*. Oxford : Basil Blackwell.

Gumperz, J.J.(1976). "The Sociolinguistic Significance of Conversational Code-Switching. In Gumperz,CJ and Gumperz J.J. Paper on Language and Context. Berkeley:Language Behavior Research Laboratory.

Harimurthi Kridalaksana. (1952). Discourse Analysis. In Jerry A. Fader and Jerrold. H.Katz. *The Structure of Language. Reading in the Philosophy of Language*. Prentice Hall Ins. 1964,hlm 355-383.

Harimurthi Kridalaksana. (1982). *Kamus Linguistik*. Jakarta : Gramedia Pustaka Utama.

Hasmidar Hassan. (2011). *Kata Hubung dan DAN tetapi dari sudut Pragmatik*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Halmari, H., and Virtanen, T.(2005). *Persuasion Across Genre : A Linguistic Approach*. Amsterdam and Philadelphia : John Benjamins.

Halliday, M.A.K, dan Hassan.R. (1976). *Cohesion in English*. London : Longman

Halliday, M.A.K. (1991, March/April). The Notion of "context" in language education. In T.Le and M.Mc Causland. *Language education : International development* (pp.4-26). Proceeding of the International Conference, Ho Chi Minh City,Vietnam.

Hart, C. (1998). *Doing a Literature Review*. London : SAGE Publication Ltd.

H. Ding. (2006). Genre analysis of personal statements : Analysis of moves in application essays to medical and dental schools. *English for Specific Purposes*. 26:368-392 : Elsevier Ltd.

H. Van Eemeren, F., Garssen, B. (2009). In Varietate Concordio-United in Diversity : European Parliementry Debate as an Arguementative Activity Type. In J.Ritola (ed.), *Argument Cultures : Proceeding of OSSA 09*, CD-Rom (pp.1-15), Windsor,on :OSSA.

Hymes, Dell. (1964). *Language in Culture and Society*. New York : Harper and Row.

Hymes, Dell. (1971). Sociolinguistic and the Ethnography of Speaking. In Ardener,E.*Social Antropology and Language* . London : Tavistock.

Hymes, Dell. (1972b). Model of the Interaction of Language and Social Life. In J. Gumperz and D. Hymes. (eds). *Direction in Sociolinguistic : The Ethnography of Communication*. New York : Holt, Rinehart and Winston, 35-71.

Hymes, Dell. (1974). *Foundation in Sosiolinguistic : An Ethnographic Approach*. Philadelphia : University of Pennsylvania Press.

Hymes, Dell. (1983). *Essays in the History of Linguistic Anthropolgy*. Amsterdam : Johns Benjamins Publications Co.

- Hayness, J.L. (1973). *Organizing A Speech*. Prentice-Hall, Inc., Englewood Cliffs, New Jersey.
- Hyland, K. (2002). *Genre : Language, Context, and Literacy*. Annual Review of Applied Linguistic. USA : Cambridge University Press.
- Hyland, K. (2004). *Genre And Second Language Writing*. Ann Arbor : University of Michigan Press.
- Hyon, S. (1996). Genre in Three Traditions : Implications for ESL. *TESOL Quarterly*.30: 693-722.
- Hamidah Abdul Hamid. (1991). *Pengantar Logik*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Othman. (2003). *Kemahiran Menulis : Perspektif Komunikatif*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasanah Zulceflie Muhammad, Mardian Shah Omar, Sharifah Mumtazah Syed Ahmad. (2010). Linguistik Steganografi : Pengaplikasiannya dalam bahasa Melayu. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan bahasa Melayu VI. 5-6.Oktober.2010
- Huck, G. J, and Goldsmith, J.A. (1995). *Ideology and linguistic Theory : Noam Chomsky and the Deep Structure Debates*. London : Routledge.
- Hopkins, T. and Dudley-Evans, T. (1988). A Genre – Based Investigation of the Discussion Section in Article and Dissertations English for Specific Purpose. 7:113-122.
- Ian Bruce.(2008). *Acedemic Writing and Genres: Systematic Analysis* . London, GBR : Continuum International Publishing.
- Idris Aman. (2001). *Wacana dan Kepimpinan : Suatu Analisis Terhadap Perutusan Perdana Menteri Mahathir Mohammad*. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya.
- Idris Aman. (2006). *Analisis Wacana Mahathir Mohamad*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Selangor : Prentice Hall.Petaling Jaya.
- Idris Aman. (2010). *Analisis Wacana*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Idris Aman dan Muhammad Fadzeli Jaafar. (2005). *Teori Penyelidikan Bahasa*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jalaludin Rakhamat. (1994). *Psikologi Komunikasi*. Bandung. Remaja Rosdakarya.
- Jeniri Amir. Debat Anwar - Shabery : Strategi Retorik dalam Komunikasi Politik. Dalam Seminar Politik Malaysia : Landskap Politik Malaysia Pasca Pilihan Raya ke -12. 28-30 Oktober 2008, hal 81-106. Uitm Shah Alam : Universiti (UPENA).
- J. Devitt, A. (2004). *Writing Genres*. Carbondale : Southern Illinois University Press.

- J. Davidson, E. (2000). Analysing Genre of Organizational Communication in Clinical Information Systems. *Information Technology & People*. Vol. 13(3):196-209.
- Johns, A.M. (1997). *Text, Role and Context : Developing Academic Literacies*. Cambridge : Cambridge University Press.
- Johns, A.M. (1997). *Genre in the Classroom*. New York : Routledge.
- John J. Gumperz and Hymes,D. (1972). *Direction in Sociolinguistics : The Ethnography of Communication*. New York : Holt, Rinehart and Winston.
- Johnson.B, and Christensen.L.(2000). *Educational Research : Qualitative,Qualitative, and Mixed Approaches*. Thousand Oaks:Sage Publications.
- Kamus Linguistik*. (1997). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kress,G. (1985). *Linguistic Processes in Socio-Cultural Practice*. New York : Oxford University Press.
- Kevin, C. ,Barbra, K. (2005). *Genres of Digital Documents*. Bradford, GBR: Emerald Group Publishing Ltd.
- Broda-Bahm,K. (2004). *Argument and Audience : Presenting Debates*. New York : International Debate Education Association.
- Kulwindr Kaur Sidhu. (2006). *Pengucapan Awam dan Kemahiran Persembahan*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Kwasnik, B.H and Crowston, K. (2005). Introduction to the special issue genre of digital documents. *Jurnal Information Technology & People*. Vol.18(2):76-88.
- Lakoff,R.T.(1975). *Language and Women's Place*. New York : Harper and Row.
- L. Johnson, S. (2009). *Winning Debates : A Guide to Debating in the Style of the World Universities Debating Championship*. New York. Amsterdam, Brussels : International Debates Education Association.
- Lewin, Beverly A; Young, Lynne; Fine, Jonathan. (2005). *Expository Discourse : A Genre-Based Approach to Social Science Research Texts*. London : Continuum International Publishing.
- Lilian. (2008). Fail Berita Politik. *Berita Harian Online*. 15. 07.2008. Dimuat turun : 14.12.2010.
- Mc Carthy,M. (1991). *Discourse Analysis for Language Teachers*. New York,Melbourne : Cambridge University Press.
- Malinowski,B. (1923). The Problem of Meaning in Primitive Language. Suplemen kepada C.K. Ogden dan I.A. Richards. *The Meaning of Meaning*. London : Kegan Paul.

- Martin,J.R. (1985). Process and Text : Two Aspects of Human Semiosis. Dalam J.D Benson & W.S. Greaved (Pengarang), *Systemic Perspectives on Discourse*, Vol.1. Norwood,NJ : Ablex, 248-74.
- Mayes, P. (2003). *Language, Social Structure, and Culture. A Genre Analysis of Cooking Classes in Japan and America*. Philadelphia, PA, USA: John Benjamins Publishing Company.
- Meany, J. and Shuster, K. (2002). *Art, Argument & Advocacy : Mastering Parliamentary Debate*. New York, NY, USA: International Debate Education Association.
- Md. Sabri Che Man. (2003). *Wacana Wawancara Formal : Satu Kajian Etnografi Komunikasi*. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Putra Malaysia.
- Miller, C.R. (1984). Genre as Social Action. *Quarterly Journal of Speech*. 70: 151-167.
- Maxwell, S. , Alfred, S. (2002). *Many Sides : Debates Across the Curriculum*. New York, USA : International Debate Education Association.
- Mokhtar Ismail. (2011). *Kaedah Penyelidikan, Kuantitatif dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wolf, D., Moreton, J. & Camp, L. (1994). Children's Acquisition of Different Kinds of Narrative Discourse: Genres & Lines of Talk. In J. Sokolov & C. Snow (eds), *Handbook of research in language development using CHILDES*. Erlbaum : Hillsdale, NJ.
- Nababan, P.W.J. (1986). *Sosiolinguistik : Suatu Pengantar*. Jakarta : PT Gramedia.
- Neale, S. (1999). *Genre and Hollywood*. Florence, KY, USA: Routledge.
- Nik Safiah Karim. (1988). *Sosiolinguistik Bahasa Melayu dan Pengajaran*. Petaling Jaya : Fajar Bakti.
- Nik Safiah Karim. (1992). *Beberapa Persoalan Sosiolinguistik Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim et.al. (1993). *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Safiah Karim. (2000). *Bahasa Melayu dalam Dekad 90-an*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Mohamed. (2003). *Beberapa Topik Asas Sosiolinguistik*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Nor Hashimah Jalaluddin dan Rusmadi Baharudin. (2008). *Leksikologi dan Leksikografi Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Nor Azuwan Yaakob. (2008). *Retorik Kewartawanan Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nunan, D. (2008). *Exploring Genre and Register in Contemporary English* . United Kingdom : Cambridge University Press.
- Ong Lok Tik. (1998). *An Ethnographic Study of the Language of Tourist Guides in Malaysia*. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya.
- Paltridge,B. (2001). *Genre and Language Learning Classroom*. Ann Arbor : University of Michigan Press.
- Parera, J.D. (1990). *Teori Semantik*. Jakarta : Erlangga.
- Paul A.Chilton and Christina Schaffner. (2002). *Politics as Text and Talk. Analytic Approaches to Political Discourse*. John Benjamins Publishing Company.
- Painter, C. (2001). *Understanding Genre and Register : Implications for Language Teaching*.London & New York : Routledge.
- Piaw, C.Y. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan : Kaedah Penyelidikan*. Kuala Lumpur : Mc Graw Hill Education (Msia) Sdn.Bhd.
- Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat : Parlimen Malaysia*. (2008). Cetakan kedua belas. Kuala Lumpur : Percetakan Nasional Malaysia Sdn.Bhd.
- Puteri Roslina Abd Wahid. (2008). Definisi dan konteks dalam Glosari Peristilahan. Dalam Nor Hashimah Jalaluddin dan Rusmadi Baharudin. *Leksikologi dan Leksikografi Melayu*.(hlm.195-211). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Quinn, S. (2009). *Debating in the World Schools Style*. New York, NY, USA: International Debate Education Association.
- Ratna Inzah Datuk Hj Mohd Asri. (1998). Ayat Perintah Dalam Pidato. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya.
- Raja Masittah Raja Arifin. (1996). Teater Pulang : Kajian Berdasarkan Analisis Aktiviti Komunikatif dan Etnografi Pertuturan. Dlm. Jurnal Dewan Bahasa,Jil.26.Bil.5 Mei hlm.594-613.
- Raja Masittah Raja Arifin. (2000). Genre Laporan Berita dalam Akhbar : Satu Analisis Wacana. Dalam *Jurnal Dewan Bahasa*. April,hlm.505-521.
- Ravinchandran Moorthy. (1995). *Bahasa Komuniti Chitty Melaka. Satu Kajian Etnografi Komunikasi*. Tesis sarjana yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya.
- Rosli Ab Rahman. (2010). *Peristiwa Bahasa dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi dari sudut Etnografi Komunikasi*. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Putra Malaysia.

- Robinson, I. (2006). *Genre and Loans : English Words in an Italian Newspaper*. English Today 88, Vol.22(4).United Kingdom:Cambridge University Press.DOI: 10.1017/S0266078406004032
- Riley, J. and Riley, M. (1959). Mass Communication and the Social System. In Merton, R.K. *Sociology Today*. New York: Basic Books.
- Richard,J.C and Rodgers,T.S. (1991). *Approaches Methods in Language Teaching : A Description and Analysis*. 2<sup>nd</sup> edition. Cambridge : Cambridge University Press.
- Rohana Yusof. (1996). *Asas Sains Sosial dari Perspektif Sosiologi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rosmarin, A. (1986). *The Power of Genre*. Minneapolis : University of Minnesota Press.
- Samraj, B.T. (1995). *The Nature of Academic Writing in an Interdisciplinary Field Linguistic*. Ann Arbor : University of Michigan.
- Samsuddin A.Rahim. (2003). *Komunikasi Asas*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sarjit S. Gill. (2007). Penyertaan Peranakan Punjabi dalam Pembangunan Komuniti : Kajian Etnografi di Kota Kinabalu, Sabah. *Borneo Research Journal*. Volume 1.
- Sato Hirobumi. (1991). *Analisis Nahu Wacana Bahasa Melayu Klasik berdasarkan Teks Hikayat Hang Tuah*. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya.
- Savile-Troike, M. (1982). *The Ethnography of Communication*. Oxford : Basil Blackwell.
- Saville-Troike, Muriel. (1989). Communicative Competence. Dalam William Bright. *Oxford International Encyclopedia of Linguistics*. Oxford : Oxford University Press.
- Saville-Troike, Muriel. (1991). *Ethnografi Komunikasi : Suatu Pengenalan*. Terjemahan. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Searle,John,R.(1969). *Speech Acts : An Essay in the Philosophy of Language*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Schiffrin, Deborah. (1994). *Approaches to Discourse*. Oxford UK and Cambridge USA : Blackwell Publishers.
- Sumarno, A. P (1989). *Dimensi-dimensi Komunikasi Politik*. Bandung : Citra Aditya Bakti.
- Stubbs, M. (1983). *Discourse Analysis : The Sosiolinguistic Analysis of Natural Language*. Oxford: Basli Blackwell.
- Snider A, and Schnurer,M. (2002). *Many Side : Debate Across the Curriculum*. U.S.A, United Kingdom:International Debate Education Association.
- Swales, J. M. (1981). *Aspects of Article Introductions*. Birmingham, UK : University of Aston, Language Studies Unit.

- Swales, J. M. (1990). *Genre Analysis : English in Academic and Research Settings*. Cambridge : Cambridge University Press.
- Swales, J. M. (1998). *Other Floors : Others Voices*. Lawrence Erlbaum Associates, Inc.
- Swales, J. M. (2004). *Research Genres : Explorations and Application*. Cambridge : Cambridge University Press.
- Shiro, M. (2003). *Genre and Evaluation in Narrative Development*. United Kingdom. Cambride University Press.
- Shao Ying. (2012). *Novel Kawin-Kawin : Analisis Konteks*. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan. Universiti Malaya.
- Soenjono Dardjowidjojo. (2012). *Psikolinguistik : Pengantar Pemahaman Bahasa Manusia* . Cetakan kedua. Jakarta : Yayasan Pustaka Obor Indonesia.
- Steiner, J. (2004). *Deliberative Politics in Action: Analysing Parliamentary Discourse*. New York : Cambridge University Press.
- Sumarsono dan Paina Partana. (2002). *Sosiolinguistik*. Jakarta : Sabda.
- Syed Abdul Rahman Syed Zin dan Bahtiar Mohamad. (2007). *Komunikasi Kepimpinan Menangani Cabaran Global*. Prentice Hall.
- Tan Mek Leng. (2003). *Bahasa Jurujual Tionghua : Suatu Kajian Pragmatik*. Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya.
- Trosborg, A. (2000). *Analysing Professional Genres*. Amsterdam, Netherlands, Philadelphia : John Benjamins Pub Co.
- Utusan On Line. (2011). Tunjuk perasaan di luar Parlimen Indonesia. [www.malaysiakini.com/news/37216](http://www.malaysiakini.com/news/37216). (capaian 3 Januari 2011).
- Unger, C. (2006). *Genre, Relevance and Global Coherence : The Pragmatic of Discourse Type*. New York : Palgrave MacMillan.
- Van Dijk,Teun A. (2004). *Text and Context of Parliamentary Debates*. Amsterdam : John Benjamin.
- Van Dijk, Teun A. (1972). *Some Aspect of Text Grammars*. The Hague : Montum.
- Van Dijk, Teun A . (1977). *Text and Context*. London : Longman.
- Van Dijk, T. A.(2003). Knowledge in Parliamentary Debates. *Journal of Language and Politics*. 2(1):93-129.
- Vasile, A.J. ( 2004 ). *Speak with Confidence A Practical Guide*. United States of America.
- Wardhaugh,K. (1997). *An Introduction to Sociolinguistic*. 3<sup>rd</sup>edition. Blackwell Publishers.

Wan Junaidi Tuanku Jaafar. (2010). *Evolusi Parliment dan Evolusi Speaker Parliment Malaysia*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Wikileaks.(2010). Singapura Mendedahkan Masalah Malaysia .12.12.2010.

<http://www.themalaysian.insider.com/malaysia/article/singapore-officials-jibe-risks-warming-ties-with-malaysia/>.(capaian 3 Januari 2011).

Yates, J. and Orlikowski,WJ.(1994). Genre repertoire : The structuring of communicative practices in organizations. *Administrative Science Quarterly*. 39: 541-574.

Yates, J. and Orlikowski,WJ.(1992). Genre of organizational communication: a structural approach to studying communication and media. *The Academy of management Review*.17: 299-326.

Zaaba. (1965). *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zainal Abidin Masleh dan Mohd Shariffudin Yusop. (2009). Sikap dan Kelestarian Bahasa Bhuket : Satu Tinjauan Etnolinguistik. Kertas kerja yang dibentangkan di seminar Linguistik & Pembudayaan bahasa Melayu ke X anjuran UPM,DBP. 17-18.November 2009.

Zina O'LEARY. (2004). *The Essential Guide to Doing Research*. London, Thousand Oales, New Delhi : SAGE Publication.